



اَوْبُو سَيِّدِي بَاتِيكُو لَوِي كِي مَارَا

FACULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN) SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT

(IM225)

PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

(IMR 605)

**Transkrip Temubual Bersama Saudara Ahmad Faisal Hamdi bin
Yop Mengenai Pembabitan Beliau dalam Aktivis Kemanusiaan ke
Syria dan Palestin**

Disediakan oleh:

Muhammad Zunnur 'Afif Bin Jamaly

(2012831972/ D1IM245 5B)

Muhammad Farid bin Ishak

(2011446126/ D1IM245 5B)

Disediakan untuk:

Puan Nor Kamariah Bin Chik

23 November 2013

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA SAUDARA AHMAD FAISAL
HAMDI BIN YOP MENGENAI PEMBABITAN BELIAU DALAM
AKTIVIS KEMANUSIAAN KE SYRIA DAN PALESTIN**

Disediakan oleh:

Muhammad Zunnur 'Afif bin Jamaly

(2012831972/ D1IM245 5B)

Muhammad Farid bin Ishak

(2011446126/ D1IM245 5B)

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Machang
Kelantan

1.0 Penghargaan

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Pendokumentasian Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, berbagai kekangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 605 – Oral Documentation (Pendokumentasian Sejarah Lisan), Puan Kamarian bt. Chik yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk meyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Saudara Faisal Hamdi bin Yop, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang beliau berikan. Tidak dilupakan keluarga dan staf beliau yang telah banyak membantu kami dengan memberi informasi mengenai tokoh. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa bantuannya.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

2.0 Isi Kandungan

1.0	Penghargaan.....	i
2.0	Isi Kandungan	ii
3.0	Abstrak.....	iii
4.0	Biodata.....	iv
5.0	Pengenalan	vi
6.0	Transkrip.....	1
7.0	Senarai Soalan	79
8.0	Log Temubual	85
9.0	Indeks	91
10.0	Rujukan.....	94
11.0	Lampiran.....	95

3.0 Abstrak

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi sesi wawancara bersama Saudara Ahmad Faisal Hamdi bin Yop. Beliau merupakan seorang juruvideo dan jurugambar yang telah menyertai Misi Kemanusiaan Ke Syria dan Palestin bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai kemelut di kedua-dua Negara berkenaan. Wawancara ini telah dijalankan di pejabat En Saudara Faisal Hamdi sendiri yang bertempat di Gombak, Selangor pada hari Khamis bersamaan 31 Oktober 2013 pada jam 10.30 pagi. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau sepanjang menceburkan diri ke bidang penyiaran. Selain itu, temubual ini menumpukan tentang pengalaman pahit dan manis yang beliau lalui sepanjang menjadi videografi dan fotografi dan dalam bidang perniagaan. Beliau turut menceritakan bagaimana beliau boleh berkecimpung ke alam perniagaan beliau dalam bidang penyiaran.*

Kata Kunci: *Misi Kemanusiaan, Syria, Palestin, Basyar Al-Assad, Juruvideo, Demokrasi, Aktivis Kemanusiaan, Afdlin Shauki, Faisal Hamdi*

4.0 Biodata



- Nama** : Ahmad Faisal Hamdi Bin Yop
- Umur** : 26 tahun
- Tarikh Lahir** : 22 November 1987
- Tempat Lahir** : Hospital Besar, Alor Setar, Kedah
- Pendidikan**
- Sekolah Kebangsaan Taman Uda, Alor Setar
 - Sekolah Menengah Maktab Mahmud, Alor Setar
 - Matrik Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Petaling Jaya
 - Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Masa pengkhususan Penyiaran, Universiti Islam Antarabangs (UIA), Gombak
- Pekerjaan** :
- Usahawan
 - Jurukamera/ juruvideo
 - Sukarelawan aktivis kemanusiaan ke Gaza dan Syria
- Status** : Berkahwin

Bilangan Adik-Beradik : 5 orang

Bilangan anak : 2 orang

Nama Ayah : Yop bin Ahmad

Nama Ibu : Zauwiyah binti Yop

Nama Isteri : Faliyana binti Muda

Anak : Adam Hamdi bin Ahmad Faisal Hamdi – 3
tahun

Aidil Hamdi bin Ahmad Faisal Hamdi – 1
tahun

Alamat Kerja : Lot 1699-B7 Kampung Changkat, Jalan
Changkat, Batu 6, Jalan Gombak, Gombak,
05000 , Kuala Lumpur.

5.0 Pengenalan

Transkrip ini mengandungi sesi wawancara bersama En Ahmad Faisal Hamdi bin Yob yang telah dijalankan pada 31 Oktober 2013 jam 10.30 pagi di pejabat Saudara Amad Faisal Hamdi sendiri yang bertempat di Gombak, Kuala Lumpur. Beliau merupakan seorang juruvideo dan jurugambar yang telah menyertai Misi Kemanusiaan Ke Syria dan Palestin bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai kemelut di kedua-dua negara berkenaan.

Saudara Ahmad Faisal Hamdi bin Yob telah dilahirkan di Hospital Besar, Alor Setar, Kedah. Beliau merupakan anak bungsu daripada lima adik-beradik, berstatuskan sudah berkahwin dan mempunyai dua orang anak lelaki bernama Adam Hamdi bin Ahmad Faisal Hamdi berumur tiga tahun dan yang kedua Aidil Hamdi bin Ahmad Faisal Hamdi berumur setahunhasil perkahwinan bersama isterinya yang bernama Faliyana binti Muda.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Taman Uda, Alor Setar danmendapat keputusan yang cemerlang ketika beliau menduduki peperiksaan UPSR (Ujian Penilaian Sekolah Rendah) dan beliau menyambung persekolahan beliau diperingkat menengah di Maktab Mahmud, Alor Setar, Kedah. Selepas beliau menamatkan pengajian beliau di peringkat menengah, beliau meneruskan pengajian beliau ke Matrik Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Petaling Jaya. Sesudah beliau menamatkan Matrik beliau, beliau menyambung pengajian beliau di peringkat Ijazah Sarjana Muda jurusan Komunikasi Masa, penkhususan penyiaran.

Transkrip wawancara ini dijalankan selama dua jam tiga puluh minit, penumpuan sesi wawancara ini menjurus kepada kerjaya beliau selaku seorang pengarah syarikat videografi dan fotografi walaupun beliau masih di awal usia. Transkrip ini lebih menceritakan tentang pengalaman beliau sebagai aktivis kemanusiaan ke Syria dan ke Palastin. Beliau menceritakan pengalaman beliau yang mendebarkan di medan perang apabila kumpulan mereka diserang hendap dan sebagainya. Di dalam sesi wawancara ini juga, beliau banyak menceritakan tentang pengalaman beliau sepanjang beliau mula bergiat aktif dalam industri penyiaran ini.

Permulaan kerjaya beliau bermula ketika beliau masih lagi dalam pengajian beliau ketika diperingkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Beliau memulakan perniagaan secara kecil-kecilan beliau dengan mengambil tender dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan mengadakan Bengkel dalam bidang beliau di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) tersebut.

Dalam sesi wawancara ini juga beliau telah berkongsi pengalaman kerjaya beliau selaku videografi dan fotografi semasa Misi Kemanusiaan Ke Syria dan Palestin. Beliau telah menyertai para aktivis kemanusiaan negara dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk kesana bagi membuat liputan mengenai kemelut yang sedang melanda Syria dan Palestin.

Kehidupan beliau sekarang lebih tertumpu kepada bidang fotografi dan videografi secara komersil di daerah Gombak di samping membantu isterinya menjalankan perniagaan barang-barang kelengkapan bayi dan pakaian.

6.0 Transkrip

Petunjuk:

SFH : Saudara Faisal Hamdi bin Yop

MZA : Muhammad Zunnur 'Afif bin Jamaly

MFI : Muhammad Farid bin Ishak

MFI : **Bismillahirrahmannirahim, Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera kami ucapkan kepada Saudara Faizal Hamdi kerana sudi untuk ditemubual hari ini. Sebelum itu, saya akan perkenalkan diri saya, saya Muhamad Farid Bin Ishak bersama rakan saya Muhammad Zunnur 'Afif bin Jamaly, Pelajar tahun akhir dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Machang, Kelantan. Temuramah ini dijalankan di pejabat Saudara Faisal Hamdi yang bertempat di Gombak, Kuala Lumpur. Temuramah_ untuk subjek pendokumentasian sejarah lisan. Kami ucapkan terima kasih kepada saudara Faisal Hamdi kerana sudi meluangkan masa untuk ditemuramah.**

SFH : *Okay* [baiklah], Wa'alaikumsalam. Terima kasih juga saya ucapkan buat saudara Muhamad Farid bin Ishak dan Muhammad Zunnur Arif [Afif] bin Jamaly daripada Universiti Teknologi MARA cawangan Kelantan kerana sudi memilih saya Faisal Hamdi untuk ditemuramah untuk projek Pendokumentasian untuk

Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat ini.

Latar Belakang Tokoh:

MFI : Okay [baiklah], Terima kasih saudara Faisal Hamdi. Okay [baiklah], tanpa melengahkan masa lagi eloklah kita memulakan sesi temuramah kita iaitu mengenai latar belakang saudara. Okay [baiklah], bolehkah ceritakan, apakah nama penuh saudara mengikut kad pengenalan saudara?

SFH : Okay [baiklah], nama penuh saya mengikut kad pengenalan adalah Ahmad Faisal Hamdi bin Yop.

MFI : Okay [baiklah]. Apakah nama panggilan yang biasa digunakan oleh ahli keluarga dan rakan-rakan untuk saudara?

SFH : Okay [baiklah], nama panggilan yang biasa digunakan oleh ahli keluarga dan rakan-rakan kepada saya adalah panggilan Faisal daripada nama penuh Ahmad Faisal Hamdi, hanya panggilan Faisal sahaja yang digunakan.

MFI : Okay [baiklah], bila dan dimanakah saudara dilahirkan?

SFH : Okay [baiklah], saya dilahirkan di Hospital Besar, Alor Setar, pada dua puluh dua [22] haribulan November sembilan belas lapan puluh tujuh [1987].

MFI : *Okay* [baiklah], dimanakah saudara menetap sekarang?

SFH : *Okay* [baiklah], sekarang saya menetap di Kampung Changkat, Jalan Gombak. dia nak alamat penuh cane [macam mana]

MFI : Boleh juga.

SFH : Sekarang saya menetap di Lot 1699-B7 Kampung Changkat, Jalan Changkat, Batu 6, Jalan Gombak, Gombak, 05000 , Kuala Lumpur.

MFI : *Okay* [baiklah], Apakah nama penuh ibu dan bapa saudara?

SFH : *Okay* [baiklah], nama penuh ibu saya adalah Zauwiyah binti Yop. Maaf, Zauwiyah binti Hj. Daud, dan nama bapa adalah Yop bin Ahmad nama ayah.

MFI : Adakah mereka masih hidup?

SFH : Ya. Mereka masih hidup.

MFI : Mereka berasal dari negeri mana?

SFH : Mereka berdua berasal dari Kedah.

MFI : Berapakah bilangan adik beradik saudara?

SFH : *Okay* [baiklah], bilangan adik-beradik saya berjumlah lima [5] orang.

MFI : Bolehkah saudara beritahu nama mereka mengikut turutan umur?

SFH : Mengikut turutan umur. *Okay* [baiklah], yang pertama daripada lima [5] orang adik-beradik, yang pertama namanya Azura, Azura binti Yop yang berumur tiga puluh sembilan [39] tahun, dan yang kedua, bernama Azirah binti Yop berumur tiga puluh enam [36] tahun, Yang ketiga, namanya Asmaniza binti Yop berumur tiga puluh tiga [33] tahun, yang keempat Asmaulhusna binti Yop berumur dua puluh Sembilan [29] tahun, maaf tiga puluh [30] tahun, tahun ni [ini] tiga puluh [30] tahun, berumur tiga puluh [30] tahun dan yang saya yang bongsu, Ahmad Faisal Hamdi Bin Yop.

MFI : *Okay* [baiklah], apakah pekerjaan adik beradik saudara sekarang?

SFH : *Okay* [baiklah], kakak saya yang pertama, beliau bekerja sebagai beliau suri rumah dan juga bekerja sebagai *businesswoman* [usahawati] yang melakukan *business* [perniagaan] secara *online* [atas talian], yang kedua Azirah binti Yop bekerja sebagai doktor

perubatan di Klinik Perubatan BERSERI Perlis. Yang ketiga Asmaniza binti Yop, bekerja sebagai guru di Sekolah, Sekolah Menengah Integrasi Bukit Kayu Hitam. Dan yang ketiga Asmaulhusna juga bekerja sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Keat Hwa, Sekolah Menengah Kebangsaan Cina (C) Keat Hwa.

MFI : *Okay* [baiklah], bilakah saudara mendirikan rumah tangga?

SFH : Rumah tangga. *Okay* [baiklah], saya mendirikan rumah tangga pada 28 Julai 2008.

MFI : Apakah nama penuh isteri saudara?

SFH : *Okay* [baiklah], nama penuh isteri saya adalah Faliyana binti Muda.

MFI : Apakah pekerjaan isteri saudara sekarang?

SFH : *Okay* [baiklah], isteri saya bekerja sebagai *businesswoman* [Ahli perniagaan] sebagai peniaga dan beliau berniaga barangan-barangan baik perkembangan ibu dan bayi dan *business* [perniagaan] ini focusnya kepada secara *online* [atas talian].

MFI : Dimanakah dan bilakah saudara mengenali isteri saudara?

SFH : *Okay* [baiklah], saya mengenali isteri saya ketika kami belajar di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] dan ketika di dalam program wataniah di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa].

MFI : Berapakah bilangan anak – anak saudara?

SFH : *Okay* [baiklah], bilangan anak saya seramai 2 orang.

MFI : Nama dan berapakah umur anak saudara?

SFH : *Okay* [baiklah], anak sulung bernama Adam Hamdi bin Ahmad Faisal Hamdi umurnya 3 tahun dan_ Aidil Hamdi berumur setahun. Pekerjaan anak takda [tiada]

MFI : Apakah hobi saudara pada masa lapang?

SFH : *Okay* [baiklah]. Hobi saya pada masa lapang adalah fotografi dan vediografi.

MFI : Apakah cita-cita saudara pada asalnya?

SFH : *Okay* [baiklah]. Cita-cita saya pada asalnya adalah sebagai seorang arkitek dan juga dalam masa sama sebagai seorang pembikin filem

MFI : Boleh kongsiikan mengapa saudara memilih untuk menjadi seorang jurukamera?

SFH : Saya memilih untuk menjadi seorang jurukamera kerana bagi saya seorang jurukamera tugasannya mampu melihat dunia disebalik tabir dan mampu untuk mencapai berita-berita secara sumber pertama. *Firsthand information* [maklumat pertama] yang mana tidak semua orang mempunyai kebolehan seperti ini dan dengan gambar dan dengan video inilah yang akan saya mampu untuk menterjemahkan dalam bentuk visual dan mampu untuk mengubah pemikiran masyarakat dunia.

MFI : Apakah ibu bapa saudara menggalakkan dan menyokong pilihan saudara untuk menjadi seorang jurukamera?

SFH : Pada awalnya mereka kurang galakan kerana kerjaya ini memberikan saya tidak bekerja sebagai seorang yang makan gaji dan seperti adik beradik yang lain yang mereka kebanyakannya ialah pekerja kerajaan yang makan gaji dan pekerjaan ini juga berisiko tinggi bila mana saya terlibat dengan kerja-kerja dalam misi kemanusiaan yang saya perlu ke medan perang dan akan merisikokan nyawa saya dan---, tapi Alhamdulillah pada akhirnya diatas kesungguhan saya tunjukkan kepada ibu dan ayah dan mereka akhirnya redha, redha dengan kerjaya yang saya pilih ini,

dan Alhamdulillah, mereka paham dan mereka terima pilihan saya.

MFI : Boleh tolong kongsi siapa idola ataupun model yang menjadi contoh dalam hidup saudara?

SFH : *Okay* [baiklah], *Role model* [orang contoh] saya dari sudut dunia penyiaran dan dunia industri penyiaran dan juga dokumentari, *role model* [orang contoh] ialah Herry Fear, seorang jurnalis ataupun seorang wartawan bebas berkerakyatan United Kingdom yang melibatkan dirinya dalam kerja-kerja dokumentasi dan dokumentari isu-isu berkaitan Gaza walaupun beliau merupakan bukan seorang yang beragama islam tapi atas dasar kemanusiaan beliau merisikokan dirinya dan meletakkan dirinya sebagai penulis sebagai seorang wartawan bebas yang berani untuk turun sendiri ke Gaza dan menyampaikan fakta-fakta dan berita-berita sebenar secara langsung dari Gaza kepada penduduk dunia melalui Blognya dan melalui akaun Youtube-nya secara *online* [atas talian] kepada penduduk dunia.

MFI : Apakah prinsip yang saudara pegang dalam hidup saudara selaku fotografi.

SFH : *Okay* [baiklah], prinsip yang saya pegang dalam hidup saya sebagai seorang jurukamera, sebagai seorang *cameraman* [jurukamera], bagi saya untuk sesuatu berita yang untuk menerima

sesuatu berita kita mestilah menyelidik sesuatu berita itu sebelum kita sampaikan dan sebelum kita sebarkan atas sebab kerana jika kita tidak bertanggungjawab sebagai seorang yang tidak berpegang sebagai seorang yang bertanggungjawab untuk menyampaikan berita dan jika berita itu palsu maka kita yang bertanggungjawab atas akibat-akibat daripada penyampaian yang disampaikan. Dan prinsip saya yang lain, kehidupan ini, pada dasarnya apa yang dilakukan oleh setiap orang adalah disebabkan *interest* [minat] ataupun kepentingan, setiap orang melakukan sesuatu adalah sebab kepentingan yang beliau ada. Kita berkawan dengan seseorang atas sebab kepentingan yang beliau ada. Orang minat terhadap kita atas kepentingan yang mereka ada dan kepentingan-kepentingan itulah yang akan mejerumuskan kita sama ada kepentingan itu kearah kebaikan atau keburukan. Sebagai contoh, jika kita betul--- Sebagai contoh kadang-kadang kita berkawan, berkawan dengan seseorang atas dasar kepentingan kawan yang kita mahu berkawan itu mempunyai sesuatu yang boleh memberikan *input* [memasukkan] ataupun memberikan sesuatu kelebihan kepada diri kita dan jika, seseorang itu kurang kepentingannya ke atas diri kita, kita sendiri tidak cenderung untuk berkawan dengannya. Itu sebagai satu contoh dan ianya boleh di aplikasikan dalam apa-apa isu sekalipun.

MFI : Boleh saudara kongsi kenangan pahit dan manis yang dialami dalam hidup saudara selaku jurukamera?

SFH : *Okay* [baiklah], kenangan paling manis adalah bila mana saya

sendiri berjaya menjadi antara juruvideo atau jurukamera pertama yang turun ke Gaza untuk membuat liputan berkaitan dengan krisis kemanusiaan yang berlaku di sana dan saya juga orang yang sama turun ke Syria untuk melihat sendiri membuat liputan tentang apa yang berlaku krisis kemanusiaan di Syria dengan melihat sendiri dengan kaca mata saya dan melihat sendiri dengan lensa kamera saya. Antara pengalaman pahit pula, bila mana hasil kerja saya tidak dihargai atau pun dicuri dan tidak diberikan kreditasi dan ianya dilakukan pula atas nama islam malah ianya dilakukan sendiri oleh sahabat-sahabat saya yang menjustifikasikan pencurian itu atas nama untuk menegakkan agama islam. Kerana bagi saya, islam itu tidak pernah mengajar hambanya, tidak pernah mengajar umatnya untuk menjadi seorang yang mencuri dan menjustifikasikan sesuatu kejahatan atas nama agama.

Sejarah Pendidikan Tokoh:

MFI : Baik, selesai sudah untuk bahagian biodata saudara, *Okay* [baiklah] kita berbalik kepada sejarah pendidikan saudara. Bolehkah saudara berkongsi dengan kami, bila dan di manakah saudara mula bersekolah?

SFH : *Okay* [baiklah], saya mula mendapat pendidikan pertama di Sekolah Kebangsaan Taman Uda, Alor Setar.

MFI : Adakah saudara memasuki sekolah rendah dan menengah di tempat yang sama___?

SFH : Sekolah rendah dan sekolah menengah di daerah yang sama iaitu di daerah Kota Setar atau Alor Setar. Cumanya, Sekolah Menengah saya di Maktab Mahmud [Alor Setar]. Jaraknya agak jauh dari sekolah rendah tetapi masih lagi berada di daerah yang sama.

MFI : Bagaimanakah keadaan dan suasana serta kemudahan para guru ketika itu?

SFH : Alhamdulillah, keadaan dan suasana dan kemudahan yang ada, fasiliti yang ada, pada guru-guru pada ketika itu memang sangat membantu, sangat sesuai pada zamannya, pada zaman persekolahan saya mereka *up to date* [terbaru] dengan situasi semasa dan begitu juga dengan guru-guru sekolah menengah

merekalah diantara yang menjadi pendidik-pendidik awal yang berjaya membentuk diri saya hingga sekarang.

MFI : Apakah subjek yang disukai dan tidak disukai oleh saudara pada zaman persekolahan, dan Mengapa?

SFH : Subjek yang paling disukai rasanya semua subjek saya suka. Yang tidak disukai, berlaku pada sekolah rendah antaranya subjek Bahasa Inggeris, mungkin disebabkan oleh gurunya yang agak garang tapi subjek tersebut menjadi antara subjek kegemaran saya pula ketika berada di sekolah menengah.

MFI : Adakah saudara aktif dalam persatuan dan kokorikulum pada ketika itu?

SFH : *Okay* [baiklah], ketika di alam persekolahan saya aktif sebagai pengakap dan juga aktif dalam persatuan debat bahasa melayu dan juga saya aktif dalam persatuan sains sekolah.

MFI : Bagaimanakah pencapaian saudara dari segi akademik dan kokorikulum pada zaman persekolahan tersebut?

SFH : *Okay* [baiklah], bercakap pencapaian akademik, di sekolah rendah untuk *UPSR* [Ujian Penilaian Sekolah Rendah] saya mendapat empat [4] A, satu [1] B, *PMR* [Penilaian Menengah Rendah] saya

mendapat sembilan [9] A, cumanya ketika *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] saya mendapat empat [4] A, tiga [3] B dan satu [1] C dan dari segi akademiknya, Kelab Debat Bahasa Melayu yang saya sertai saya mendapat tempat kedua dalam pertandingan debat antara sekolah di peringkat negeri.

MFI : Apakah pengalaman manis dan pahit yang dialami pada zaman persekolahan terdahulu?

SFH : Pengalaman paling manis bila mana mendapat sembilan [9] A ketika *PMR* [Penilaian Menengah Rendah] dan berjaya untuk naik pentas menerima anugerah dan ketika mana menjadi naib juara untuk pertandingan debat anantara sekolah peringkat negeri. Dan pengalaman pahit, bila mana saya asalnya selepas *SPM* [Sijil Penilaian Malaysia] saya mahu menyambung untuk mengambil *STAM* [Sijil Tinggi Agama Malaysia] dan ketika itu terpaksa batalkan disebabkan menerima tawaran belajar di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] dan bagi saya itu adalah agak mengecewakan dan agak saya kesalkan kerana ianya berbeza daripada cita-cita asal saya untuk menyambung pelajaran ke Timur Tengah.

MFI : Bolehkah saudara kongsikan, siapakah teman baik saudara pada zaman di sekolah?

SFH : Teman baik? Sebenarnya ramai di sekolah. Antaranya Zufahmi bin Harun yang lainnya Saudara Nazmi, Saudara Syauki, Saudara Syafi Abdul Bari dan lain-lain.

MFI : Setelah tamat zaman persekolahan, adakah saudara terus belajar ke tahap yang lebih tinggi atau bekerja terlebih dahulu?

SFH : Selepas tamat persekolahan, saya terus menyambung pelajaran di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] dan selepas tamat *SPM* [Sijil Penilaian Menengah] saya masuk ke matrik *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] di Petaling Jaya, dan kemudiannya menyambung ke peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Islam Antarabangsa Gombak.

MFI : Apakah bidang atau kursus yang di ambil di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa]?

SFH : *Okay* [baiklah], Kursus yang saya ambil ketika belajar di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] adalah Komunikasi Masa, penkhususannya adalah penyiaran, Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Masa pengkhususan Penyiaran.

MFI : Adakah ibu bapa saudara turut membantu dan menyokong saudara dalam pengambilan bidang tersebut?

SFH : Alhamdulillah, ibu bapa saya setuju dengan pilihan saya menyambil bidang tersebut, walaupun pada awalnya bidang yang saya khususkan sebelum mengambil jurusan komunikasi masa adalah Psikologi, dan selepas setahun, saya membuat keputusan nekad untuk tukar dari bidang psikologi kepada jurusan komunikasi masa. Dan sebelum itu saya hendak menambah antara pengalaman manis di sekolah tadi, selepas *PMR* [Penilaian Menengah Rendah], pada tingkatan empat, pada awalnya saya mengambil kelas sains dan tidak semua yang belajar ketika itu dapat masuk ke kelas sains dan dipertengahan tahun, saya tekad untuk tukar daripada kelas sains kepada kelas ekonomi, dan ianya mendapat tentangan yang sangat hebat dari guru-guru yang mengajar saya ketika itu, dan juga mendapat tentangan hebat dari kaum keluarga saya sendiri. itu adalah antara yang menjadi pengalaman pahit tapi keputusan itu diambil oleh saya sendiri seperti mengambil kira minat saya sendiri dan juga kearah mana saya mahu tumpukan untuk kejaya saya untuk masa akan datang.

MFI : Selepas itu adakah saudara meneruskan pengajian ke tahap yang lebih tinggi, iaitu peringkat ijazah atau master atau doktor falsafah?

SFH : Setakat ini, itu saja tahap pembelajaran saya dan insha Allah pada masa akan datang saya juga berhasrat untuk menyambung ke

peringkat ijazah sarjana dan juga peringkat *Ph.D* [doktor falsafah].

MFI : Bagaimana dengan pencapaian akademik saudara pada ketika di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa]?

SFH : *Okay* [baiklah], Pencapaian akademik agak boleh dikira sebagai memuaskan, tidak tinggi dan tidak rendah, di peringkat universiti.

MFI : Bolehkah saudara menceritakan atau berkongsi sedikit sebanyak tip pembelajaran saudara ketika itu?

SFH : *Okay* [baiklah], ketika mengambil jurusan ijazah sarjana muda komunikasi masa, pembelajaran saya, saya tidak tumpukan kepada pembelajaran secara formal dikelas sahaja. Mungkin, itu antara menjadi penyebab ianya agak menjejaskan pointer saya kerana saya tidak puas mendapat pembelajaran secara formal dan saya mencari ilmu-ilmu berkaitan videografi di luar kelas, atas inisiatif sendiri, saya berkerja secara separuh masa di Production House di luar universiti untuk saya timba pengalaman dan untuk saya wujudkan syarikat saya ketika itu sebab syarikat videografi yang saya tubuhkan ini telah wujud ketika saya masih lagi belajar dan walau bagaimana pun, pensyarah-pensyarah ketika itu faham bahawa kemudahan dan fasiliti yang ada di universiti ketika itu tidak mencukupi untuk seseorang itu mencapai tahap *competent* [cekap] yang mahir sebagai seorang jurukamera jadi mereka boleh

bertolak ansur dengan saya untuk membiarkan saya berkerja separuh masa dan kadang-kadang antaranya menyebabkan saya tidak dapat hadir ke kelas, tetapi itu atas toleransi daripada pensyarah-pensyarah saya sendiri kerana mereka tahu dalam kelas dan di dalam jabatan komunikasi masa *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] itu sendiri saya antara yang terkehadapan dalam bidang videografi yang antaranya membolehkan saya sendiri menganjurkan *workshop* [bengkel] videografi ketika saya masih lagi belajar. Yang antara *workshop* [bengkel] itu disertai oleh rakan-rakan kelas saya sendiri.

MFI : *Okay* [baiklah], siapakah teman-teman seperjuangan saudarapada zaman di university itu dan adakah masih berhubung sehingga sekarang?

SFH : *Okay* [baiklah], teman seperjuangan di universiti antaranya teman bilik saya, saudara Aizat dan juga saudara Hasnul Hanif yang menjadi teman rakan sebilik ketika di universiti dan di asrama, masih lagi berhubung dengan mereka hingga sekarang cumanya mereka memilih bidang masing-masinglah tapi masih lagi berhubung sehingga sekarang.

MFI : **Bagaimana pula penglibatan aktiviti persatuan dan sukan di alam universiti? Adakah saudara seorang yang aktif di sana?**

SFH : Di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa], setiap orang diwajibkan untuk menyertai kokorikulum dan antara kokorikulum yang saya sertai adalah wataniah itu sendiri, yang mewajibkan pelajar yang terlibat dengan wataniah untuk aktif selama tiga tahun. Itu antara tempoh wajib untuk seorang yang menyertai wataniah sebagai aktiviti kokorikulumnya dan sepanjang tiga tahun itu saya bertindak sebagai seorang *student* [pelajar] yang juga aktif sebagai wataniah iaitu askar simpanan Malaysia yang aktif, yang menyertai semua latihan-latihan yang rekrut sebulan wajib dan juga aktiviti-aktiviti mingguan dan tahunan oleh wataniah itu sendiri dan selain itu saya juga menyertai komrad. Komrad ini adalah sebuah kelab yang mengkhususkan untuk membantu masyarakat-masyarakat orang asli di Cameron Highland dan disekitar daerah asli Negeri Selangor. Dengan komrad juga saya juga aktif yang mana hampir setiap program ziarah dan berkampung di perkampungan orang asli saya sertai yang menyebabkan hingga tiga ke empat kali raya Aidiadha saya tidak pulang ke kampung atas sebab menyambutnya bersama keluarga angkat orang asli di sekitar Cameron Highland

MFI : Baiklah, terima kasih atas perkongsian mengenai sejarah pendidikan saudara Faisal. Seterusnya saya akan serahkan kepada rakan saya saudara Zunnur untuk meneruskan sesi temuramah saudara.

Pengalaman Tokoh:

MZA : Terima kasih saudara Faisal Hamdi kerana sudi menceritakan serba sedikit berkenaan latar belakang saudara, latar belakang keluarga dan sedikit pengalaman di alam pembelajaran dan sekarang ni [ini] kita terus pada sesi seterusnya iaitu berkongsi berkenaan pengalaman saudara sepanjang berkarier. Untuk soalan pertama daripada saya, bolehkah saudara ceritakan serba sedikit saudara bermula melibatkan diri bidang fotografi?

SFH : *Okay* [baiklah], saya terlibat secara langsung dalam bidang fotografi atau lebih khususnya bidang videografi pada duaribu enam [2006]. Pada ketika itu saya baru lagi diperingkat matrik *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] di Petaling Jaya. Ketika itu saya membeli kamera video professional yang pertama menggunakan duit masa ketika itu masih bukan lagi *PTPTN* [Pertubuhan Tabung Pengajian Tinggi Negara] ketika itu duit *scholarship* [basiswa] yang diberikan oleh *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa]. Kamera video itu berjenama *JVC* [Victor Company of Japan], atas minat saya membelinya walaupun *skill* [kemahiran] saya pada masa itu masih lagi sangat kurang hingga menyebabkan rakaman-rakaman saya tidak diproses hanya tersimpan di dalam *tape* [pita rakaman] sahaja, ketika itu kamera masih lagi menggunakan *DV Tape* [sejenis pita rakaman] dan yang lainnya yang menjadi penyebab minat saya kearah bidang videografi ini atas sebab minat saya

untuk menonton filem-filem tempatan dan juga luar negara yang mana saya menjadi antara pengkriting filem tidak rasmi kepada filem tempatan ataupun filem luar negara yang mana ianya menjadi pencetus minat saya dalam bidang video yang alasannya saya mahu hasilkan sendiri filem yang berkualiti menepati citarasa ramai dan juga yang sangat professional dari segi sudut teknikalnya

MZA : *Okay* [baiklah], seterusnya dalam kita menceburi dalam apa-apa bidang kalau dalam ini saudara menceburi dalam bidang fotografi. Sebelum saudara menceburi bidang dalam fotografi, dimanakah saudara belajar ilmu berkaitan fotografi secara rasmi dan tidak rasmi dalam bidang tersebut?

SFH : *Okay* [baiklah], saya lebih suka disebut dalam bidang videografi sebabnya fotografi lebih menjerumus kepada foto dan bidang saya adalah bidang videografi. Saya belajar secara formal ketika mana di peringkat universiti yang pada awalnya saya pengkhususan ijazah saya adalah psikologi dan ketika itu *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] baru menawarkan subjek baru didalam ijazah sarjana muda komunikasi masa iaitu pengkhususan penyiaran. pengkhususan penyiaran itu masih lagi baru di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] atas sebab ianya baru ditawarkan dan saya baru ketika itu dan ianya menjadi penyebab antara tindakan nekad saya untuk tukar pengkhususan saya daripada psikologi kepada

komunikasi masa walaupun ianya merugikan saya dalam tempoh setahun pembelajaran jika dibandingkan dengan tempoh pembelajaran keseluruhan di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] yang sekitar tiga ke empat tahun, atas sebab tindakan saya ini menyebabkan saya terpaksa setahun lebih di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa]. Walaubagaimanapun saya tidak kelas sebab bagi saya apa yang saya mahu belajar itu saya mahu pembelajaran yang saya mahu gunakan ketika saya berkerja ianya menjadi kerjaya saya yang rasmi. Jadi, itu tempat formal saya belajar video di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] dimana dalamnya ada subjek *video production* [produksi video], *script production* [produksi skrip], *radio production* [produksi radio] yang kebanyakannya menjerumus kepada bidang penyiaran. Walau bagaimanapun saya tidak berpuas hati untuk mendapatkan hanya pendidikan formal di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] sebab ianya tersekat dan limit kepada skema-skema dan subjek-subjek yang kadang-kadang terikat dengan masa dan topik yang hanya keluar di dalam peperiksaan dan juga ketika itu pensyarah-pensyarah dalam bidang penyiaran yang ada di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] masih lagi sedikit dan antaranya masih lagi muda dan kurang pengalaman dan ada diantaranya saya sendiri bertanyakan soalan berkaitan teknikal mereka sendiri tidak dapat menjawab dan sedangkan jawapan itu saya sendiri tahu jawapannya. Itu antara menyebabkan saya tidak puas hati untuk hanya bergantung pada pendidikan formal di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa]. Itu antara yang

menjadi penyebab saya mencari ilmu dalam bidang videografi di luar *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] secara tidak formal, antaranya saya membeli kamera video yang lebih professional lebih *advance* [meningkat] menggunakan duit pinjaman yang saya pinjam daripada kakak saya sendiri yang bekerja sebagai doktor dan harga kamera tersebut berjumlah sekitar tiga ribu lapan ratus [3800] ringgit, atas minat saya sendiri dan atas inisiatif saya sendiri saya belajar cara menggunakannya dan juga saya menimba ilmu dan pengalaman melalui syarikat-syarikat produksi diluar *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] antaranya SIT Prouction, EYE Moment dan juga yang lain-lain. Atas inisiatif itu jugalah, pada ketika peringkat pembelajaran lagi saya sudah menubuhkan syarikat saya sendiri, syarikat produksi yang bernama Faisal Video Studio dan saya sudah memulakan *business* [perniagaan] saya sebagai juruvideo yang menawarkan servis videografi kepada orang awam. Dan yang paling membanggakan bila mana hasil kerja saya diminati dan juga dihargai oleh orang-orang yang daripada peringkat biasa hingga peringkat atasan dan para pensyarah saya juga menyedari bakat yang ada dalam diri saya dan tahap yang paling membanggakan bila mana pihak *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] mahu mencari *vendor* [penjual] untuk membuat video korporatnya yang terbaru dan apabila mereka membuat *open tender* [projek terbuka] saya dijemput untuk menjadi *vendor* [penjual] untuk mendapatkan *tender* [projek] tersebut bersama pensyarah saya yang mengajar video kepada

saya. Jadi saya *compete* [bersaing] saya lawan tender itu bersama pensyarah yang mengajar saya sendiri tapi walau bagaimanapun dia menanglah tapi itu diantara peristiwa yang membanggakan saya bila mana saya diiktiraf oleh *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] sendiri mempunyai *skill* [kemahiran] dan kebolehan dan bakat yang menyamai pensyarah saya sendiri

MZA : Kalau tadi saudara menceritakan serba sedikit pengalaman saudara yang saudara menceburi berkaitan yang videografi di peringkat unversiti dan apa yang kita sedia tahu saudara aktif sebagai aktivis kemanusiaan ke Syria dan ke Gaza.

SFH : Ya betul

MZA : Sebelum kita pergi ke lebih lanjut berkenaan di luar negara, bolehkah saudara menceritakan serba sedikit tentang aktiviti videografi saudara di Malaysia?

SFH : *Okay* [baiklah], aktiviti videografi saya di Malaysia melibatkan servis videografi dalam bentuk penghasilan video-video klip artis tempatan dan juga antarabangsa. Servis videografi korporat untuk syarikat-syarikat korporat, servis videografi untuk majlis dan perkahwinan dan juga servis MCP Multiple Camera Production untuk konsert-konsert dan untuk berdasarkan rekod penghasilan video-video klip untuk artis tempatan saya pernah menghasilkan

videoklip Nazri Johani bertajuk Muslimah. Keduanya, videoklip eskostik [sejenis kumpulan artis] artis Indonesia bertajuk muhasabah cinta, artis *UNIC* [kumpulan artis nasyid di Malaysia] bertajuk Bina Bil Huda nama tajuk lagunya kemudia In-Team [kumpulan artis nasyid di Malaysia], tajuk lagunya Jatuh Bangun, dan juga dalam proses pembikinan adalah Bebas Palastin yang mana menggabungkan empat artis nashid iaitu Nowseeheart, Saujana, Rabbani dan juga In-Team. Ada lagi satu yang pernah diterbitkan iaitu kumpulan *DU'A* [kumpulan artis nasyid di Malaysia], tajuk lagunya saya tidak ingat (gangguan perbualan). *Okay* [baiklah], nama kumpulan *DU'A* [kumpulan artis nasyid di Malaysia] nama tajuk lagu Tiada Selain Dia dan satu lagi Balada Selawat seribu empat ratus tiga puluh tiga [1433] Hijrah yang menggabungkan lima puluh [50] orang artis Malaysia. Dan untuk video korporat, saya pernah menghasilkan video korporat untuk air mineral *ECPI* [Electro Clustered Positive Ion Water], ECPI Water [Syarikat air terkemuka di Malaysia], saya pernah menghasilkan video korporat untuk IIUM.FM [sebuah syarikat radio atas talian di Malaysia] iaitu radio *online* [atas talian]. Saya pernah menghasilkan video korporat untuk Aqsa Syarif [sebuah Badan Bukan Kerajaan], saya pernah menghasilkan video korporat untuk markas logistik tentera darat dan saya pernah menghasilkan video korporat untuk PTS Publication.

MZA : Untuk yang saudara tadi pengalaman saudara di Malaysia menjalankan videografi bersama artis-artis Malaysia, artis *international* [antarabangsa] yang berasal daripada Indonesia *lepas* [selepas itu] ada penghasilan video korporat bersama ECPI, PTS Publication. Sepanjang di Malaysia adakah saudara mengalami sebarang masalah ataupun ujian sepanjang sesi videografi?

SFH : Masalah yang dihadapi adalah dari segi kurang kefahaman dikalangan pelanggan terhadap tugas dan juga kos yang kami tanggung di peringkat produksi, diperingkat teknikal kerana bidang video ini ia merupakan satu bidang yang agak mahal kosnya dan agak memakan masa tempoh-tempoh produksinya dan kadangkadangkang ianya agak mahal dari segi kos barang-barang teknikalnya. Itu yang menyedihkan bila mana sebahagian masyarakat tidak menghargai bidang videografi ini malah menganggap bidang videografi ini pekerjaan yang murahan yang mana ianya senang bagi mereka *padahal* [sedangkan] sebuah video yang dihasilkan itu perlu mengambik proses yang agak rumit. Sebagai contoh, untuk menghasilkan video yang hanya berdurasi empat minit kadangkadangkang tempoh pre-produksinya, produksinya dan pos-produksi, posture produksinya, mengambil masa hingga berbulan-bulan. Itu yang mereka tidak faham tapi kami tidak salahkan mereka mungkin itu atas dasar mereka kurang maklumat dan juga kurang berpengalaman dalam bidang videografi ini dan kami cuba

fahamkan mereka dan beri keterangan dan beri kefahaman kepada mereka. Alhamdulillah, mereka faham dan berusaha untuk faham dan yang lainnya menyedihkan, pengalaman yang menyedihkan bila mana idea-idea dari kami kandang-kadang ditiru dan dicuri tanpa sebarang kreditasi malah si pencuri itu mendakwa idea tersebut adalah darinya dan memberitahu kepada umum bahawa ianya adalah ideanya sedangkan kami dibelakang tabir tahu itu adalah idea daripada kami. Itu yang menyedihkan yang antara menjadi perosak industri video dan industri penyiaran sendiri.

MZA : Baik saudara, seterusnya sejak bilakah saudara melibatkan diri atau mengikuti aktivis kemanusiaan ini ke Syria?

SFH : Saya mula menceburkan diri sebagai aktivis kemanusiaan, sebagai jurukamera rasmi kepada *NGO* [Non-Government Organizaztion] *Malaysia Life Line for Syria* [Sebuah Badan Bukan Kerajaan] ini bermula pada penghujung Mei dua ribu tiga belas [2013] bila ketuanya saudara Shahril Asfar menjemput saya untuk menyertai misi pada ketika itu. Dan bagi saya ia adalah satu peluang yang sangat hebat, sangat di tunggu-tunggu kerana bukan semua orang mampu untuk ke sana sebab di sana sedang berlaku peperangan dan sejak itulah bila pergi ke sana dan melihat sendiri dengan mata kekejaman yang dilakukan terhadap rakyat Syria oleh rejim Bahshar dan kesengsaraan dan penderitaan rakyat Syria berhadapan dengan peperangan itu menyebabkan saya

mendedikasikan diri saya untuk perjuangan mengangkat kebebasan rakyat Syria.

MZA : Sebagai aktivis kemanusiaan ke Syria, peralatan yang paling penting sebagai juruvideo?

SFH : *Okay* [baiklah]. Peralatan paling penting yang saya bawa kesana adalah dua unit kamera *DSLR* [Digital Single-Lens Reflex] yang saya jadikan sebagai kamera video yang menggunakan *lens* [lensa] *CANON EXS18200 MILIMETER S3.5* [sejenis jenama lensa kamera] hingga *5.6 IS IMAGE STABILIZER* [sejenis jenama lensa kamera], itu untuk kamera pertama dan untuk kamera kedua, dua-dua kamera adalah kamera UOS 60B [nama model kamera] berjenama *CANON* [jenama terkemuka di dunia] dan kamera kedua menggunakan lens [lensa] *SAMYANG 34MM 1.4* [sejenis jenama lensa kamera] yang menjadi kamera yang menjadi kamera khas untuk *interview* [menemuramah], untuk menemuramah dan menemubual dan kamera yang *EXS18200* [sejenis jenama kamera] antara yang menjadi kamera utama yang merakam setiap detik dan pengalaman kami di Syria, setiap pergerakan kami dan setiap situasi dan *moment* [seketika] ketika kami berada di Syria. Itu antara dua peralatan *wajib* [perlu] saya di sana disamping bateri-bateri dan *memory card* [kad memori] yang mencukupi untuk sepanjang tempoh misi dan selainnya adalah satu unit *laptop* [computer riba] dan satu unit *hard disk* [cakera keras] untuk

menyimpan segala data-data yang dirakamkan hari walaupun saya sudah meminimumkan sebanyak mungkin, peralatan tersebut tetap berat bagi orang biasa.

MZA : Seterusnya, bagaimanakah saudara menghubungi pihak di Malaysia untuk menyampaikan semua maklumat terkini saudara?

SFH : *Okay* [baiklah], kami berhubung dengan rakan-rakan dan sahabat-sahabat rayat Malaysia secara umumnya di Malaysia melalui *online* [atas talian] kerana disana sudah tiada talian telefon. Yang masih tinggal hanyalah talian *online* [atas talian] yang penggunaan internet yang disediakan oleh para *mujahidin* [pejuang] tempatan yang mana mereka ini mempunyai *modem* [peralatan untuk atas talian] untuk mendapatkan *wireless* [tanpa wayar] internet dan ianya bersambung terus dengan satelit. Itupun agak terbatas kerana di Syria sudah tidak ada lagi bekalan elektrik, sudah tidak ada lagi bekalan air dan untuk ber'*online*' [atas talian] kami bergantung dengan adanya bekalan elektrik, jika ada, maka kami dapat *online* [atas talian] dan jika tidak dan kebanyakannya adalah tidak ada dan kami tidak dapat *online* [atas talian]. Contohnya, dalam lima [5] hari misi, hanya dalam satu [1] ke dua [2] hari sahaja kami dapat akses internet untuk berhubung dengan orang Malaysia.

MZA : Seterusnya, sepanjang saudara berada di Syria ataupun Gaza, siapakah yang menyertai saudara untuk menyempurnakan misi di Syria dan di Gaza?

SFH : Untuk menjawab soalan tersebut, sebenarnya bukan orang yang menyertai saya *tapi* [tetapi] saya yang menyertai orang bila mana saya menyertai di Gaza, saya menyertai *NGO* [Non-Government Organization] Amal Syarif di bawah merupakan anak syarikat kepada pertubuhan Iqram yang menjadi antara pelopor *NGO* [Non-Government Organization] yang mengangkat isu Palestin. Saya pergi ke Gaza pada Februari dua ribu tiga belas [2013], saya pergi ke sana dengan mereka dan untuk ke Syria saya menyertai *NGO* [Non-Government Organization] Malaysia Life Line for Syria. Malaysia Life Line for Syria ni [ini] sebenarnya adalah seketeriat gabungan *NGO* [Non-Government Organization] besar di Malaysia.

MZA : Dalam satu kumpulan aktivis kemanusiaan ini, berapa besarkah satu kumpulan tersebut?

SFH : *Okay* [baiklah], untuk di Gaza kami pergi seramai tiga puluh [30] orang, tapi untuk di Syria, kami hanya pergi seramai enam [6] ke lapan [8] orang untuk setiap misi. Kerana di Gaza, keadaannya sewaktu kami pergi keadaannya aman sesudah berlakunya gencatan senjata antara Hamas dan juga Rejim Zionis Israel, tapi

untuk ke Syria, kami terpaksa bataskan, terpaksa hadkan penglibatan orang yang pergi kerana keadaan disana masih lagi tegang kerana masih lagi berlaku peperangan, kerana masih lagi berlaku peperangan.

MZA : Berapa lamakah masa yang diambil oleh saudara berada di Syria atau di Gaza untuk menyelesaikan satu misi?

SFH : Untuk menyelesaikan satu misi, secara puratanya setiap misi dianggarkan selama dua [2] minggu atau empat belas [14] ke lima belas [15] hari ataupun setengah bulan untuk setiap misi.

MZA : Setelah itu, bolehkah saudara berkongsi bersama kami apakah perasaan saudara apabila dapat berpijak di bumi Syria atau di Gaza selaku acivis (aktivis) negara?

SFH : Perasaan saya sangat terharu dan bangga sebenarnya ini adalah tanah *Syam* [Syria] dan juga dikatakan sebagai tanah *Syuhada'* [para syahid], tanah para *anbia'* [nabi] yang mana tanahnya sentiasa basah dengan darah-darah para pejuang yang bangkit berjuang untuk mempertahankan agama islam dan keadaan disana, di Gaza contohnya keadaannya sangat aman, sangat tenang walaupun mereka berada di kawasan konflik sebab_. Betullah sebagaimana yang dikatakan *Rasullullah* [Pesuruh Allah] dan juga sebagai firman Allah dalam Al-Quran, bumi *Syam* [Syria] bumi

yang barokah, bumi yang subur, orang-orangnya sangat lembut hati dan akhlaknya, dan tanah-tanahnya sangat subur dan peluang untuk berpijak ditanah itu, peluang yang tidak ternilai dan sangat membanggakan walaupun mereka itu berada di dalam konflik mereka itu sangat tenang dan mereka itu sangat tabah walaupun berlaku bunyi letupan dan tembakan untuk setiap masa tapi bagi mereka itu adalah menjadi halwa telinga mereka dan hanya menjadi bunyi yang bagi mereka hiburan-hiburan harian walaupun mereka tahu bunyi itu mampu membunuh mereka pada bila-bila masa.

MZA : Sepanjang saudara di Syria atau di Gaza menyempurnakan sesebuah misi itu, siapakah yang memberi sokongan yang paling kuat untuk saudara berada di sana?

SFH : Sokongan yang paling kuat untuk saya berada di sana adalah daripada isteri saya sendiri, beliau memahami minat dan tugas saya ke sana sebab saya sudah memberi kefahaman kepadanya bahawa saudara seislam kita yang berada di sudut dunia lain memerlukan kita untuk membantu mereka sebab apa jika bukan kita yang membantu mereka siapa lagi yang kita nak [mahu] harapkan. Dan saya fahamkan beliau, jika perkara sama yang berlaku pada kita, pada negeri kita, nauzubillah, tapi jika ianya berlaku jangan salahkan saudara seislam kita di tempat lain jika mereka tidak datang menolong jika ketika mereka berada di waktu

di dalam krisis kita tidak pergi untuk menolong mereka. Dan beliau antara yang memberi sokongan, selain itu ahli keluarga yang lain walaupun ada yang membantah keras tapi saya tekad untuk pergi juga dan yang lainnya adalah sokongan daripada sahabat-sahabat seperjuangan.

MZA : Seperti yang mana kita tau [tahu], kasih seseorang ibu dan bapa tidak ternilai baginya, dan kemungkinan besar ibu bapa kita sendiri yang tidak membenarkan kita untuk pergi ke tempat yang membahayakan nyawa anaknya sendiri. Bagaimanakah sokongan yang diberikan oleh ibu bapa saudara sendiri?

SFH : Antara cabaran yang saya dapat ialah pada ibu saya sendiri bila mana beliau agak tidak mengizinkan saya ke sana sebab_. Saya faham sebagai seorang ibu beliau tahu bahaya yang bakal menimpa anaknya di medan perang. Cumanya, saya tetap tidak salahkan beliau kerana beliau hanya bergantung infomasi kepada media-media *mainstream* [aliran utama] yang mana kebanyakannya informasi daripada media *mainstream* [aliran utama] adalah berat sebelah dan saya berusaha memberi kefahaman kepadanya, meminta redha daripadanya supaya (suara budak menangis) perjuangan saya ke sana untuk membuat liputan kerana saya katakan kepadanya sepertimana saya katakan kepada isteri saya, mereka di sana sangat memerlukan kita kerana mereka mahu

meneruskan kehidupan kesan daripada peperangan dan Alhamdulillah, sedikit, demi sedikit ibu saya mulai faham --- atau tahu dia kekhuatirannya, ketakutannya setiap kali saya pergi kesitu. Cumanya saya doakan saya doakan kepedanya dan saya minta dia doakan kepada saya yang terbaik bagi saya dan saya juga memberikan kefahaman kepadanya, jika ditakdirkan untuk mati, dimana-mana saja kita boleh mati bukan sekadar di Syria, bahkan di Malaysia juga kita boleh mati dan antara kata-kata lain yang saya katakan kepadanya, biar saya mati dalam keadaan saya sudah berjasa daripada saya mati sebagai seorang biasa.

MZA : Jika itu yang saudara ungkapkan, maka tidak hairanlah mengapa saudara memilih untuk pergi ke Syria melaksanakan misi tersebut. Sebelum itu mesti saudara mempersiapkan diri saudara dari pelbagai segi iaitu dari segi fizikal dan mental. Bolehkah saudara menceritakan serba sedikit persediaan saudara sebelum berpijak ke bumi Syria?

SFH : *Okay* [baiklah], antara persediaannya, dari segi sudut materialnya saya melengkapkan diri saya dengan peralatan yang cukup terutamanya bateri-bateri dan *memory card* [kad memori] yang cukup yang mana saya tahu disana tidak selalu ada bekalan elektrik dan saya bersedia jika sehari dua tidak ada bekalan elektrik saya mampu lagi meneruskan rakaman dari segi material, dan antara lainnya saya menyiapkan diri saya dengan beg air yang mampu

menampung dua liter air dalam beg tersebut yang mana cukup untuk penggunaan seharian jika tidak mendapat bekalan makanan langsung. Yang lainnya, sedikit pakaian dan peralatan peribadi seperti berus gigi, sabun, deodorant dan sebagainya. Dan yang lainnya, makanan-makanan ringan yang mampu menampung pergerakan dan misi kami seharian. Jika kami sampai ke tahap_ _ tidak dapat makanan langsung. Antara makanan ringan *energy bar* [sejenis makanan tenaga], nestum ORS Oral Rehydration Salt, air garam untuk memberi tenaga dan juga *first aid* [peti kecemasan] peribadi maksudnya bekalan perubatan peribadi jika berlaku sesuatu. Itu dari segi persediaan materialnya dan persediaan mentalnya saya dekatkan diri dengan tuhan, saya lengkapkan saya dengan informasi-informasi terkini berkaitan apa yang berlaku di Syria sama ada bertambah tegang atau pun sudah reda, di setiap tempat, apa yang berlaku di sana, apa yang berlaku di sini dan persiapan dari segi kekuatan mental itu tidak ada cara lain melainkan merapatkan diri dengan tuhan dan meminta pertolongan daripadanya memberi kekuatan untuk meninggalkan anak dan isteri, memberi kekuatan untuk meninggalkan kerjaya, anak-anak buah, staf-staf di Malaysia, diberi kekuatan untuk meninggalkan segala kemewahan yang ada di Malaysia. Dan saya pergi itu adalah kerana saya tahu pemergian itu di kira sebagai perjuangan. Perjuangan membela masyarakat di Syria yang ditindas dan di zalimi yang penduduk islam seluruh dunia perlu tahu apa yang berlaku di sana dan sayalah antara orang yang bertanggungjawab

untuk menyampaikan informasi-informasi sebenar apa yang berlaku di Syria.

MZA : Untuk berpijak di bumi orang, selalunya kita memerlukan sesuatu yang paling penting iaitu wang ringgit. Adakah saudara mendapatkan sebarang dana dari pelbagai pihak untuk menjalankan misi di sana?

SFH : Dananya antaranya saya menggunakan duit ringgit sendiri, hasil peluh titik sendiri dan antaranya ada yang disumbangkan oleh orang ramai yang perihatin dan juga mahukan saham mereka di akhirat, mahu sumbangkan dana. Walaupun ada diantaranya tidak banyak, tapi berterusan. Alhamdulillah. Sedikit sumbangan daripada pihak *NGO* [Non-Government Organization] sendiri untuk urusan tiket pergi dan balik dan yang lainnya disana sendiri kami tidak menggunakan sebarang duit kerana tiada tempat untuk membeli belah. Hanya perlukan duit untuk membeli makanan harian itu pun makanan harian di sediakan oleh para *Mujahidin* [pejuang islam] tapi kami tidak mengharapka mereka beri kepada kami secara percuma setiap kali mereka menghidangkan kepada kami di akhir hidangan kami menghulurkan juga mereka duit sebagai menampung kos mereka menyediakan makanan dan juga sebagai upah mereka kerana kami tahu mereka tidak ada lagi duit, sudah tidak ada lagi gaji, tidak ada lagi kerjaya, tidak ada lagi kerja dan sumber kewangan yang lain, kerana kami tidak mahu diri

kami menyusahkan mereka yang berada dalam keadaan kesusahan.

MZA : Bolehkah saudara menceritakan dan berkongsi kepada kami waktu pertama kali saudara memjejakkan diri saudara ke bumi Syria ataupun Gaza?

SFH : Pengalaman, perasaan---

MZA : Pertama kali saudara.

SFH : Pertama kali menjejakkan kaki ke Syria agak mendebarkan sebabnya informasi-informasi yang saya dapat bahawa keadaan disini sangat tegang dan saya juga mendapat satu taklimat daripada orang tempatan, daripada *NGO* [Non-Government Organization] yang biasa pergi, taklimatnya orang-orang media seperti saya perlu berhati-hati dan bersedia kerana kami menjadi target untuk diculik dan dibunuh kerana di Syria, rejim Basyar, mereka bukan saja membunuh para pejuang *mujahidin* [Pejuang Allah], mereka juga membunuh orang awam dan mereka memburu para doktor-doktor perubatan dan juga media kerana bagi mereka lebih baik mereka membunuh para doktor daripada mereka membunuh para pejuang kerana seorang doktor mampu merawat pejuang-pejuang yang tercedera dan pejuang-pejuang yang tercedera sesudah mereka mendapatkan rawatan, mereka kembali sembuh dan sihat mereka akan kembali bangun dan berjuang dan sebab itulah bagi rejim

[tentera] Basyar lebih baik mereka membunuh doktor dan menculik doktor dan mencampak mayat doktor dihadapan hospital untuk menekutkan doktor-doktor yang lain supaya doktor-doktor lain lari keluar daripada Syria rakyat tidak lagi mendapatkan rawatan perubatan, pejuang tidak lagi mendapat rawatan. Jadi kematian menjadi semakin meningkat dan yang lainnya, selain daripada doktor yang diburu, orang media yang diburu kerana kami bertanggungjawab membawa keluar berita-berita sebenar apa yang berlaku di Syria ke mata dunia dan juga ke mata masyarakat di Malaysia khususnya. Itu yang mereka tidak mahu kerana jika berita itu dapat dibawa keluar maka sehubungan rakyat dunia pula yang akan semakin tinggi rakyat yang bangkit menjatuhkan rejim Basyar.

MZA : Baiklah saudara, sepanjang saudara menjalankan misi saudara, pernahkan berlaku kemalangan jiwa yang berlaku kepada rakan-rakan satu misi saudara dan bolehkah saudara menceritakan pengalaman tersebut?

SFH : Pengalaman yang paling mendebarkan dan mencemaskan adalah pada misi ramadhan yang lepas team kami, team Malaysia Life Line for Syria kami diserang oleh tembaka *sniper* [penembak hendap] pada satu malam ketika kami sudah berbuka puasa di sebuah rumah di *ground zero* [tapak] ataupun garisan hadapan *upper zon* [zon hadapan] yang berdekatan dengan *rejim* [tentera]

Basyar. Ianya berlaku atas kesilapan *driver* [pemandu] kami sendiri bila mana beliau dengan tidak sengaja terbuka lampu keretanya yang sepatutnya ditutup ketika melalui satu jalan di Bandar Aleppo. Tembakan itu hampir mengenai belakang van kami dan peluru daripada rekrut itu hampir mengenai belakang kiri van dan ianya terkena pada sebatang tiang lampu dan peluru itu terpantuk kepada sebelah kanan jalan raya yang menyebabkan berlakunya percikan api yang sangat besar di belakang van dan kami tahu kami diserang. Alhamdulillah, tiada kecederaan fizikal yang berlaku kerana kami tahu kami berada di dalam kegelapan ketika itu dan jika ada yang tercedera, tiada siapa yang tahu dan *driver* [pemandu] membawa van tersebut dengan lebih laju sesudah berlaku serangan dan bila kami sampai ke tempat penginapan, masing-masing cek diri sendiri, masing-masing merasai badan masing-masing sama ada terkena tembakan atau serpihan. Alhamdulillah kami selamat dan itu antara pengalaman yang mencemaskan. Yang keduanya ianya berlaku di *Idlip* [sebuah bandar di Syria] sebuah lagi Bandar besar, sebuah lagi negeri besar di Syria, ketika mana pada satu malam ketika itu, kami dijemput untuk berbuka puasa di kem *mujahidin* [Pejuang Allah] yang betul-betul berada di barisan hadapan, di daerah *Idlip* [sebuah bandar di Syria] dan jarak kami dengan rejim [tentera] Basyar hanyalah dianggarkan dua ratus [200] meter sahaja dan insiden yang berlaku adalah ketika kami mahu keluar dari kawasan tersebut sesudah berbuka puasa, kami diberitahu juga jalan keluar daripada situ

tidak ada satu lampu pun dibenarkan untuk dibuka dan kami kesana dengan menggunakan dua [2] buah kereta dan salah satu kereta tersebut mengalami kerosakan pada lampunya bila mana lampunya tidak dapat ditutup. Yang bila mana kami mahu keluar dari kawasan tersebut sesudah berbuka puasa dan bersembahyang magrib bersama para *mujahidin* [pejuang islam] waktu tersebut semakin gelap dan kereta kedua daripada dua biji [buah] kereta itu dihidupkan lampu tidak dapat ditutup yang menyebabkan *mujahidin-mujahidin* [pejuang-pejuang Allah] disitu menjerit marah suruh kami menutup lampu tetapi lampu tidak dapat dihidupkan kerana lampu itu rosak dan yang disebabkan cahaya lampu kereta yang menyebabkan roket-roket dan bom-bom daripada rejim basyar datang kearah kami yang menyebabkan kami menjadi sasaran senang, menjadi *easy target* [target mudah] roket mengejar kami. Letupan demi letupan mula menghimpit kami dan kami mula keluar dari kawasan tersebut dengan kereta memecut laju dan antara dua sama ada kami mati disebabkan oleh letupan yang mengejar kami, letupan yang mengejar kami atau pun kami mati disebabkan kemalangan. Sebab apa? Sebab dua kereta tersebut terpaksa memecut dengan laju di lorong yang sempit, di kawasan perumahan yang sempit, dan keadaan sangat gelap, tidak dibenarkan membuka lampu. Lampu kereta yang saya katakan rosak tadi adalah lampu belakang, lampu depan masih lagi tertutup. Jadi roket masih lagi mengejar kami, kereta kamu memecut laju dan *driver* [pemandu] kereta akan membuka lampu hadapat

sekejap-sekejap sahaja tap tap tap [menyuarakan bunyi
menghidupkan lampu kereta] (sambil mengayakan tangannya)
untuk melihat jalan dan mengesok jalan dan berlaku kejadian bila
mana beliau membuka lampu rupanya kereta yang kami naik itu
sedang maju (gangguan suara) dan menghala kearah sebuah tiang
lampu hampir-hampir kami melanggar tiang lampu tersebut tetapi
driver [pemandu kereta] sempat mengelak dan dalam masa sama
roket-roket itu masih mengejar kami. Antara dua sama ada kami
accident [kemalangan] ataupun kami di bom. Hanya mengucap dua
kalimah syahadah yang menjadi mainan dibibir kami. Kami dan
ketika itu sangat pasrah, saya sendiri *cameraman* [jurukamera]
tidak dapat melakukan apa-apa rakaman sebab terlalu gelap dan
roket mengejar kami dan kereta kami sedang memecut di jalan-
jalan sempit dan penuh dengan tiang lampu. Antara dua sama ada
terlanggar tiang lampu ataupun roket sampai mengejar kami. Itu
adalah satu pengalaman yang mencemaskan dan mendebarkan
ketika masuk di Syria. Yang di Gaza, pengalaman yang tidak dapat
di lupakan bila kami dapat berjumpa dengan ibu-ibu para
syuhadah. Ibu-ibu ini di Gaza mereka ini, ibu yang diantara anak
mereka pernah syahid, mereka sangat berbangga dan mereka
mengekspresikan rasa bangga tersebut dengan meletakkan
signboard [papan tanda] dan papan-papan tanda yang bergambar
anak-anak mereka yang syahid pada dinding di luar rumah. Papan-
papan tanda itu sebesar papan tanda iklan yang bereda di kedai-
kedai di Malaysia. Jika rumah ini ada anak mereka yang syahid

maka akan ada *signboard* [papan tanda], akan ada papan tanda yang mempunyai gambar anaknya. Mereka sangat bangga jika ada tetamu yang datang daripada luar Gaza, mereka akan tayangkan gambar-gambar anak mereka kepada orang luar sebagai tanda mereka bangga dengan anak mereka yang telah syahid. Hinggakan seorang ibu yang dah tua mengatakan, jika saya mampu lagi melahirkan anak, saya akan hantar semua anak saya untuk berjuang. Kerana saya tahu jika anak saya mendapat syahid [mati disebabkan berjuang], seorang yang syahid mampu memberikan ganjaran tujuh puluh [70] syafaat kepada sesiapa sahaja yang beliau mahukan dan saya pasti orang pertama yang anak saya pilih adalah saya, jadi jika saya ada sebelas [11] orang anak saya akan hantar sebelas-sebelas orang anak saya untuk berjuang dan jika mereka syahid, saya sangat berbangga dengan kesyahidan mereka itu kerana jika mereka syahid, setiap seorang itu mampu untuk memberikan tujuh puluh [70] syafaat kepada sesiapa sahaja yang mereka inginkan dan jika ada sepuluh orang anak, maka tujuh ratus [700] syafaat dia boleh berikan dan saya adalah ahli syurga. Itu kata-kata seorang ibu yang menjadi inspirasi kepada kami di misi dan kami sampaikan kepada ibu-ibu di Malaysia.

MZA : Boleh ceritakan serba sedikit kepada kami saudara, bagaimana saudara melepaskan diri dari situasi-situasi mendebarkan yang baru saja saudara menceritakan kepada

kami?

SFH : Tidak ada cara lain untuk melepaskan diri, ianya bergantung kepada nasib, bergantung kepada takdir Allah. Jika letupan atau tembakan kena terhadap kami maka tidak ada jalan yang boleh kami elakkan. Sama seperti *mujahidin* [pejuang Allah] tempatan, mereka sendiri tidak ada cara untuk mengelak daripada serangan yang berlaku. Jika mereka dapat elak itu adalah takdir Allah dan ketika berada di Syrialah perasaan dan *Tawakkal* [berserah kepada Allah] kepada Allah itu benar-benar di uji, benar-benar dapat dilaksanakan, benar-benar kita dapat lihat *tawakkal* [berserah kepada Allah] dengan erti sebenar. Hanya mengucap dua kalimah syahadah menjadi permainan di bibir kami membasahkan lidah kami sebab kami tahu bil-bila masa saja boleh menjadi mangsa serangan tembakan dan bom. Malah pada peristiwa Aidil Adha baru-baru ini, ketika hari raya Aidil Adha tersebut, pada paginya kami bersembahyang sunat Aidiladha di sebuah masjid di Aleppo, petang harinya masjid tersebut di bom. Di bom oleh pesawat-pesawat pejuang *Rejim* [tentera] Bashar yang berlegar-legar di atas udara. Malah ketika baru sembahyang sunat Aidil Adha baru saja habis dilaksanakan pesawat pejuang berlegar diatas kepala kami, letupan yang terdekat daripada bom yang digugurkan oleh pesawat pejuang tersebut berlaku, hanya jarak dua puluh lima [25] meter saja dari kami yang menyebabkan kawasan tersebut bergegar dan saya sendiri dapat melihat para *mujahidin* [pejuang Allah] bersedia

dengan senjata-senjata_ _ _ _ _ untuk mereka menembak jatuh pesawat perjuang tersebut. Pertempuran itu berlaku di hadapan mata saya dan dalam misi Aidil Adha yang terbaru ini pun, satu malam ketika kami baru balik menyampaikan matan, kami balik ke tempat penginapan, berlaku pertempuran berdekatan tempat penginapan kami bila mana *sniper* [penembak hendap] menembak bertalu-talu ke arah jalan yang hanya berada di hadapan tingkap penginapan kami, *sniper* [penembak hendap] daripada rejim Bashar menembak ke arah kami bertalu-talu dan para *mujahidin* [pejuang Allah] menembak ke arah tersebut dengan *machine gun* [senjata berat] berat juga bertalu-talu di hadapan mata saya dan itu suasana situasi di Syria.

MZA : Boleh saudara ceritakan lebih lanjut kepada kami, selain saudara sebagai *mujahidin* [pejuang Allah] juruvideo ke Syria (suara SFH mengiakan) adakah pengalaman-pengalaman yang boleh saudara kongsi kepada kami selain menjadi seorang juruvideo di sana?

SFH : *Okay* [baiklah], pengalaman lainnya bila mana kami dibawa ke hospital berjumpa dengan doktor-doktor yang cekal yang kami gelarkan mereka juga sebagai *mujahidin* [pejuang Allah] kerana mereka cekal, mereka sudah tidak ada gaji sudah tidak ada *income* [pendapatan] tapi mereka meneruskan lagi khidmat mereka kepada masyarakat sebagai seorang doktor perubatan, melakukan

pembedahan, merawat rakyat-rakyat yang tidak berdosa dan para *mujahidin* [pejuang Allah] yang tercedera dalam peperangan. Kekuatan dan kekentalan mereka itu menjadi inspirasi kepada kami dan bila kami bertanya kepada mereka apakah motivasi mereka terus bekerja walaupun sudah tidak ada gaji bahkan merisikokan nyawa sendiri jawapan mereka, motivasi aku adalah islam dan aku datang ke sini kerana untuk membantu agama islam, jika bukan kita umat islam membantu sesama saudara islam siapa lagi kita *nak* [mahu] harapkan dan yang lainnya kami dibawa masuk ke bilik bedah iaitu sedang berlaku pembedahan terhadap seorang mangsa tembakan *sniper* [penembak hendap] yang mana paha kanannya hancur, peluru memasuki paha kanannya menyebabkan paha kanannya hancur dan peluru terus menembusi paha kirinya dan juga menyebabkan paha kirinya hancur. Itu yang pengalaman saya tidak dapat lupakan, melihat sendiri mangsa serangan dan yang terbari pada misi Aidil Adha pada baru-baru ini, saya melihat mangsa letupan, kaki sebelahnya telah kudung dan beliau masih lagi mampu tersenyum itu yang memberikan kekuatan kepada kami sebab kami melihat sendiri mangsa peperangan yang masih lagi tabah, masih kuat, masih mampu tersenyum. Dan yang lainnya kami pergi ke perkampungan yang sangat daif dan *jahil* [bodoh] yang bereda di Syria. Yang saya katakana *jahil* [bodoh] sebab perkampungan itu sudah di abaikan oleh rejim [tentera] Basyar setelah sekian lama, menyebabkan pendidikan tidak masuk ke kampung itu menyebabkan kebanyakan penduduk kampung

tersebut sangat *jahil* [bodoh]. Sangat *jahil* [bodoh] ini boleh diberi contoh ketika mana seorang isteri tidak menyedari bahawa suaminya sudah mati walaupun sudah tiga [3] hari terlantar di atas katil. Punya *jahil* [bodoh] isteri itu hingga tidak mengerti apa itu mati. Beliau masih ingat suaminya masih sedang tidur hingga beliau tanya kepada ketua kampung yang agak cerdik, mengapakah suami saya tidak bangun tiga [3] hari? Bila ketua kampung pergi tengok suami beliau, rupanya baru mereka tahu suami beliau sudah mati. Dan sangat daif, perkampungan itu rumahnya sangat sempit, buka saja pintu rumah, terus masuk ke dapur, dapur itu dihadapan pintu rumah dan dapur itu berkongsi dengan tandas, di dapur itu ada lubang tandas, dan disitulah mereka mandi, disitulah mereka membuang air kecil, membuang air besar dan disitu juga mereka memasak (suara bayi menangis) dan sudah tidak ada bekalan makanan, hanya serpihan-serpihan roti bertebaran di lantai-lantai itu pun saya melihat dengan mata saya yang mana mereka sangat memuliakan roti itu sebagai makanan contohnya mereka terjumpa cebisan roti mereka kumpul dan mereka junjung seperti menjunjung Al-Quran kerana mereka memuliakan roti tersebut dan mereka kumpul untuk makan walaupun roti itu sudah rosak. Saya melihat sendiri seorang kanak-kanak menyelongkar tong sampah untuk mencari saki baki makanan yang telah dibuang dalam tong sampah dan beliau juga mengumpul roti-roti yang berbaki di dalam tong sampah, beliau kumpul hingga tinggi timbunan rotinya dan beliau hanya ambil dua [2] ke tiga [3] keping sahaja untuk

dihidang (suara budak menjerit) olehnya, yang lain beliau agihkan kepada jiran-jiran dan sahabat-sahabat di kampung. Jadi di situ saya nampak walaupun mereka itu sangat tabah dan sangat baik hati, walaupun dalam suasana perang, dan mereka sendiri lapar mereka masih lagi sempat memikirkan nasib saudara-saudara lain, jiran-jiran mereka di perkampungan. Mereka tidak hanya mengisi perut sendiri, walaupun yang beliau jumpa itu roti yang banyak dalam tong sampah, tapi dalam masa yang sama beliau berkongsi roti tersebut dengan orang lain di kampung mereka sendiri.

MZA : Boleh saudara bagi tahu kepada kami, setakat ini berapa misi yang telah saudara ikut untuk ke bumi Syria dan Gaza?

SFH : Ke Gaza hanya satu misi saja yang saya sempat ikut kerana sekarang pintu Gaza sudah di tutup oleh rejim [tentera] As-Sisi di Mesir dan misi ke Syria setakat ini baru tiga [3] yang saya sertai, pada penghujung bulan mei, pada penghujung ramadhan, dan baru-baru ini pada Aidil Adha baru-baru ini. (suara budak bersembang)

MZA : Setakat adakan perancangan yang sedang dirancang oleh saudara dan sahabat-sahabat untuk melancarkan misi yang seterusnya?

SFH : Untuk *Malaysia Life Line for Syria* [sebuah Badan Bukan Kerajaan], mereka berterusan melancarkan misi dan misi yang

akan datang adalah misi pada bulan dua belas [12] iaitu misi musim sejuk. Dimana pada tahun ini berkemungkinan Syria akan mengalami musim sejuk yang paling sejuk dalam tempoh dua puluh [20] tahun yang dianggarkan sepuluh ribu [10,000] hingga ke lima belas ribu [15,000] orang akan mati disebabkan kesejukan.

MZA : Masya Allah

SFH : Jadi *Malaysia Lifeline for Syria* [sebuah Badan Bukan Kerajaan] sedang menganjurkan kempen musim sejuk untuk mereka memberi dana (suara budak sedang menjerit) dan membelikan selimut-selimut untuk rakyat Syria berlawanan dengan suasana sejuk pada musim sejuk akan datang ini walaupun itu kerana di Syria sudah tidak ada bekalan elektrik dan mereka tidak mampu untuk menghidupkan *heater* [pemanas] pemanas-pemanas di dalam rumah jadi hanya selimut yang mampu untuk mereka gunakan untuk memanaskan diri dan saya sendiri sebagai jurukamera, juruvideo bebas, sebagai media bebas, saya sendiri sedang menghasilkan dokumentari Syria yang mana semua jenis rakaman sejak misi pertama saya kumpulkan, saya mengadakan sesi temuramah bersama orang tempatan disana bersama *public figure* [tokoh], bersama orang-orang besar, bersama para pejuang *mujahidin* [pejuang Allah] di sana yang saya sedang kumpulkan. Alhamdulillah rakamannya sudah mencukupi masa sekarang dalam proses pasca produksi untuk editing untuk saya tayangkan secara

besar-besaran kepada penduduk Malaysia untuk memberi kesedaran, untuk memberi kefahaman tentang apa yang berlaku di Syria kepada penduduk Malaysia.

MZA : Masya Allah, sungguh banyak pengalaman yang saudara kongsi kepada kami walaupun yang kita sedia tahu saudara hanya melancarkan empat [4] misi setakat ini, betul saudara?

SFH : Betul.

MZA : Seterusnya boleh kita sambung kepada Muhammad Farid untuk sambung ke sesi seterusnya

MFI : *Okay* [baiklah], baiklah terima kasih. Sebelum kita masuk ke bahagian pencapaian dan pengiktirfan tentang saudara Faisal. Saya ingin menambah sedikit soalan mengenai bidang pengalaman.

SFH : *Okay* [baiklah].

MFI : Ini ada satu kumpulan band di Malaysia ini di panggil sebagai kumpulan Hujan, dia orang telah membuat satu [1] lagu yang

bertajuk Kembara (suara SFH mengiakan). *Okay* [baiklah], lirik lagu tersebut lebih menceritakan berkenaan peristiwa yang berlaku di Palastin. Adakan saudara terlibat secara langsung atau pun tidak langsung mengenai pembikinan lirik tersebut?

SFH : Lirik tersebut? Rasanya ini kali pertama saya mendengar tajuk lagu tersebut. Saya tidak terlibat secara langsung dan juga secara tidak langsung.

MFI : *Okay* [baiklah], terima kasih. *Okay* [baiklah] setrusnya kita akan masuk mengenai pencapaian (suara orang menjerit).

SFH : *Okay* [baiklah], Sekejap ya saya nk ke tandas sekejap.

MZA : *Okay* [baiklah], baik saudara, silakan.

Pencapaian dan Pengiktirafan Tokoh:

MFI : Okay [baiklah], kita akan bersambung semula sesi temuramah kita. Seterusnya, saya akan bertanyakah mengenai pencapaian dan pengiktirafan Saudara Faisal Hamdi. Pertamanya, bolehkah Saudara Faisal ceritakan serba sedikit tentang pencapaian peribadi saudara iaitu pencapaian selain dari pencapaian sebagai videografi?

SFH : Selain dari videografi, *tak da* [tidak ada], rasanya *tak da* [tidak ada].

MFI : Kalau tak ada tak pa [tidak ada tidak mengapa], kita *proceed* [teruskan], bagaimana pula pencapaian saudara selaku menjadi videografi?

SFH : Menjadi videografi pencapaiannya, saya orang pertama yang melakukan *multiple camera production* [produksi kamera pelbagai guna] ataupun *livebit* [live bait] secara high skill, secara sekala besar untuk konsert Maher Zain ketika tu Maher Zain pada tahun dua ribu sepuluh [2010] yang menggunakan *equipment* [kelengkapan] yang *high end* [berkualiti tinggi] di UIA menggunakan kren, kren 30 kaki yang menggunakan lima kamera yang merakamkan secara serentak yg ditayangkan di paparan skrin yang besar yang ketika itu belum menjadi budaya di Malaysia. *So* [Jadi], saya dikira sebagai *translator* [penterjemah] kepada budaya itu (bunyi budak

kecil bercakap) dan kemudian selepas itu diikuti oleh sahabat-sahabat perjuangan daripada _ _ _ _ yang mula menggunakan rakaman *livebit* [live bait], secara sekala besar yang menggunakan yang seakan-akan konsert, konsert *international* [antarabangsa] punya standard. Itu saya yang memulakan. Selain itu saya berjaya menghasilkan video klip yang menggabungkan hampir kesemua artis-artis nasyid yang berada di Malaysia yang mana kali terakhir video klip yang pernah menggabungkan identiti nasyid yang berada di Malasia adalah pada tahun dua ribu tujuh [2007] sudah, sudah tiga belas [13] tahun perkara itu tidak pernah berlaku dan artis nasyid hampir tidak pernah berkumpul secara beramai-ramai dalam satu masa. Itu kali pertama selepas tiga belas [13] tahun dan adalah idea saya untuk menerbitkan video klip itu secara tidak langsung itu menjadi *gathering* [perjumpaan] mereka yang sudah tiga belas [13] tahun tidak berjumpa dan ada video klip muslimah dan juga Johani antara video klip nasyid pertama yang saya hasilkan. Itu menjadi pemangkin untuk industri nasyid kembali naik sesudah industri nasyid agak suram selama hampir sepuluh [10] tahun, agak suram kerana kekurangan lagu dan video clip dan dengan penghasilan video clip _ _ _ Johani Muslimah bertajuk Muslimah menjadi *benchmark* [petunjuk] yang menaikkan balik [semula] industri nasyid dan menaikkan semula semangat penggiat seni nasyid menghasilkan lagu-lagu baru ,video-video klip baru hingga wujudnya Anugerah nasyid tokoh yang mendapat inspirasi dan mendapat semangat kembali daripada _ _ _ nasyid sendiri.

Selain videografi, saya juga terpilih menjadi produksi pertama yang menghasilkan video korporat untuk Markas Solisi Tentera Darat yang mana saya antara orang media pertama yang dibenarkan masuk ke kem-kem tentera bertaraf *Fast Fight* [Bertindak Cepat] *in* [dalam] Malaysia bertaraf rahsia rasmi negara yang mana pegawai tentera biasa pun tidak dibenarkan masuk dan saya dapat peluang itu untuk masuk ke sana dan melihat sendiri senjata-senjata dan rahsia-rahsia negara itu pencapaian yang membanggakan dan saya juga berjaya mencetuskan kembali persahabatan di antara penggiat nasyid Malaysia dan Indonesia melalui penerbitan dan penghasilan video klip Muhasabah Cinta Rekostik itu yang di rakamkan di Malaysia dan melalui video klip tersebut juga *hit* [terkenal] dan *trending* [tren] di Youtube dan pencapaian lain saya-saya berjaya menghasilkan satu video PSA, *Public Service Announcement* [pesanan khidmat masyarakat] atau pesanan khidmat masyarakat yang mana video itu memberi kesedaran berkaitan dengan perjuangan Palestin dengan cara memboikot McDonald. Tajuk video tersebut, video parol McDonald Malaysia Parody, *story of not for sale* [cerita yang bukan untuk dijual]. Video tersebut sebagai satu video *respond* [tindak balas] kepada penerbitan video iklan McDonald Malaysia yg Melayu dan juga islam untuk mempromosikan produk McDonald yang kita tahu McDonald itu secara rasmi secara berbangganya menguar-uarkan mereka ini menyumbangkan kepada tabung negara haram Israel. Video tersebut dapat *hit* [hit]

seratus ribu [100000] *view* [tontonan] hanya dalam masa tiga [3] hari dan berbanding dengan video asal yang dihasilkan oleh McDonald Malaysia tersebut yang hanya '*view*'nya [tontonan] seramai tiga puluh ribu [30000] orang, tiga puluh ribu [30000] lebih hingga ke hari ini dan *viewer* [penonton] video yang saya hasilkan tersebut sudah mencecah seratus lima puluh ribu [150000] dan pada ketika pada minggu pertama video yang saya hasilkan tersebut di tayang di *publish* [diterbitkan] sangat menjadi *viral* [sebaran] di internet dan menjadi satu yang *important* [kepentingan] kepada *NGO* [Non-Government Organization] yang berkempen untuk memboikot McDonald dan itu adalah satu saya kira sebagai perjuangan yang saya, perjuangan media dan saya namakan legasi ini gagasan ini sebagai *Mujahidin* [pejuang Allah] Media untuk melawan para kapitalis-kapitalis barat yang mereka secara terbuka menyokong penubuhan negara haram Israel dan mereka menggunakan media untuk menyebarkan propaganda mereka kepada penduduk dunia. Jadi saya atas inisiatif itu menggunakan senjata yang sama iaitu senjata media untuk berlawan, berperang secara media dengan pihak barat.

MFI : Terima kasih. Seperti yang kita sedia maklum, jika seseorang itu mempunyai sumbangan yang agak besar kepada negara, secara langsungnya pihak kerajaan akan mengurniakan

seseorang tersebut dengan pangkat, darjat dan pelbagai lagi dan kedudukan yang semulajadi. Adakah saudara menerima apa-apa pengiktirafan, pangkat dan darjat dari pihak kerajaan Malaysia buat masa sekarang ini?

SFH : Buat masa sekarang tidak ada apa-apa pangkat atau darjat yang ditawarkan kepada saya. mungkin kerana usaha-usaha saya ini dikira sebagai usaha-usaha nakal, usaha-usaha yang agak melawan arus para kapitalis dan juga *mainstream* [aliran utama] dan arus perdana dari segi media dan juga dari segi dunia penyiaran dan juga dunia *business* [perniagaan] mungkin pada peringkat atasan pihak pemerintah itu bukan satu sumbangan tapi bagi peringkat rakyat bawahan dan peringkat *rakyat marhaen* [rakyat biasa] iaitu satu perjuangan yang tidak semua orang mampu laksanakan, tidak semua orang berani untuk melakukannya kerana ianya sangat berisiko seperti mana terbitan video McDonald parody McDonald. Kami berisiko untuk disaman dan kami bersedia untuk disaman dan kami menunggu untuk disaman sebab apa ketika kami disaman itu semakin panas semakin hangat secara tak [tidak] langsung video tersebut akan semakin tersebar, tetapi McDonald Malaysia bermain secara licik, mereka tidak menyaman kami tapi mereka membalas, *me'respond'* [tindak balas] kepada video kami itu mengeluarkan video iklan terbaru dan melakukan iklan-iklan terbaru secara besar-besaran di media cetak di media elektronik dan kami mengira, menghitung kos yang dikeluarkan oleh

McDonald untuk mengeluarkan iklan-iklan baru sebagai respon kepada video kami buat tersebut, kosnya tidak kurang lima ratus ribu [500,000] Ringgit Malaysia. Bagi kami itulah kejayaan kami dan bagi kami itu adalah kerugian yang ditanggung oleh McDonald disebabkan oleh video kami yang percuma. Kosnya itulah kejayaan kami yang menyebabkan kerugian kepada pihak McDonald sebab ini. Perjuangan yang mungkin, itu bukan satu sumbangan kepada negara yang bergantung kepada sumber-sumber kewangan daripada peniaga-peniaga itu merupakan satu benda yang berisiko, mungkin itu menjadi penyebab saya tidak diiktiraf oleh pihak atasan perjuangan saya. Tapi, saya tidak kisah dan bukan penghargaan bukan pangkat darjat yang saya dambakan bukan pangkat darjat yang saya impikan. Bagi saya kepuasan saya bila saya mampu berjaya untuk mempengaruhi dan berjaya merubah pemikiran masyarakat dan berjaya untuk menjentik para kapitalis-kapitalis para musuh-musuh agama islam itu sendiri walaupun usaha ini hanya sebagai usaha kerdil tetapi jika orang sekerdil saya ini mampu untuk menjentik para kapitalis-kapitalis para musuh-musuh dari barat. Itu adalah satu kejayaan bagi diri saya sendiri.

MFI : Saya ingin bertanya, nampaknya saudara Faisal terlibat dengan Misi Ke Syria dan Palestin. Ada *tak* [tidak] mana-mana artis ataupun selebriti negara kita yang turut bersama saudara dan juga aktivis-aktivis lain untuk Misi Kemanusiaan

ini?

SFH : Yang bersama secara langsung dalam misi saya tidak ada. Cumanya dalam Misi ke Gaza pada bulan dua tersebut misi itu adalah misi bersiri yang dinamakan sebagai A2G, Aqsa to Gaza ,iaitu Aqsa itu bermaksud *Aqsa Syarif* [sebuah Badan Bukan Kerajaan] to [ke] Gaza dan siri yang saya sertai tersebut adalah siri ketia belas [13] dan pada siri kedua belas [12] ianya disertai oleh Afdlin Shauki dan kami tidak ada kesempatan lagi untuk bersemuka. Beliau juga diangkat sebagai duta kepada *Aqsa Syarif* [sebuah Badan Bukan Kerajaan]. Saya pun tidak ada apa-apa peranan yang besar dalam misi tersebut hanya sebagai pengamal media bebas yang menghasilkan dokumentari untuk Gaza, untuk Aqsa Syarif dan juga video korporat Aqsa Syarif sepanjang misi ke sana cumanya penglibatan saya dalam misi ke Syria ini lebih menonjol apatah lagi selepas isu hangat melibatkan gambar saya mengangkat senjata yang menjadi *viral* [sebaran] di Internet yang menyebabkan orang menceritakan berkenaan diri saya melebihi diri saya sendiri. Jadi, saya nampak isu Syria ini lebih saya tekankan apatah lagi selepas nama saya *viral* [tersebar]. Bagi saya, kemasyuran yang saya dapat itu walaupun secara tidak sengaja. Itu adalah satu tanggungjawab yang besar yang perlu saya galas sebab saya diangkat sebagai *ikon* [idola] Syria yang mana orang bergantung *informasi* [maklumat] kepada saya dan orang menganggap saya satu sumber kredible yang berkredabiliti untuk

mengulas isu Syria berdasarkan pengalaman saya sendiri, melihat sendiri suasana di Syria sepanjang tiga kali misi dan saya mengambil itu sebagai tanggungjawab yang agak berat walaupun ianya sudah mengorbankan *privacy* [kerahsiaan] saya di internet. Tapi, saya redha dan terimanya sebagai amanat daripada Tuhan untuk saya sampaikan untuk mengangkat isu Syria ini, memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia sebab apa sesuatu isu itu kadang-kadang kita memerlukan sesuatu itu ataupun peristiwa seperti isu Syria ini, kadang-kadang ianya perlukan *stimulation* [stimulasi], saya benda yang perlu dilakukan dan satu benda yang perlu berlaku untuk ianya menjentik hati-hati, membuka pemikiran masyarakat sama ada *team* [pasukan] kami terbunuh dan baru ianya tersebar dan orang buka mata dan yang keduanya apa yang berlaku pada saya dan secara tidak sengaja saya ter'*upload*' [muat naik] gambar saya bersama senjata dan benda itu menjadi *viral* [sebaran] dan orang buka mata dan orang mula mencari, menggali informasi dan boleh mendapat kesedaran mengenai isu Syria dan saya dipertanggungjawabkan masyarakat Syria untuk menjadi ikon mereka, untuk menjadi duta mereka yang mana jika saya dijemput ke mana-mana saya membawa nama Malaysia datang ke Syria sebagai wakilnya.

MFI : Terima kasih di atas perkongisan yang diberikan oleh saudara tadi, seterusnya saya akan serahkan kembali kepada rakan

saya untk menyambung sesi seterusnya, silakan.

Pandangan Tokoh:

MZA : Saudara tadi ada menceritakan sungguh banyak pengalaman yang saudara laluisepanjang melancarkan Misi ke Syria, ke Gaza. Sebelum kita lebih lanjut bertanyakan pandangan-pandangan yang positif daripada saudara sendiri, boleh saudara saya bertanya bagaimana saudara berkomunikasi dengan rakyat di sana?

SFH : Kami ke sana melalui perantaraan *NGO* [Non-Government Organization] tempatan sebab apabila masuk dengan krisis di Syria sekarang, kita tidak boleh masuk sesuka hati sebab sangat genting dan sangat tidak stabil apa yang berlaku di Syria sama ada kita boleh diculik, dibunuh ataupun apa sahaja yang boleh berlaku dan kami melalui perantaraan *NGO* [Non-Government Organization] tempatan dan di sana walaupun terdapat halangan dari segi bahasa, itu tidak menjadi kesukaran bila mana salah seorang daripada *team* [pasukan] misi kami mampu berbahasa arab tempatan, bahasa Arab Ammi, bahasa arab Syria kerana beliau merupakan seorang lepasan pelajar yang pernah belajar di Syria, boleh menjadi pengantara bahasa dan dalam masa yang sama kami sepanjang misi tersebut, kami boleh belajar cara untuk berkomunikasi ringkas dengan penduduk-penduduk tempatan. Ada yang penduduk tempatan yang mampu berbahasa Inggeris, tidak mampu berbahasa Inggeris dan kami cuba berkomunikasi dengan bahasa Arab yang

ringkas.

MZA : Seperti mana yang semua rakyat Malaysia tahu, semua pelajar tahu jalan ke Syria dan Gaza ianya telah ditutup iaitu cara mereka sampai adalah penerbangan dan bolehkah saudara menceritakan kepada kami laluan-laluan yang saudara lalui untuk sampai ke Syria dan Gaza?

SFH : *Okay* [baiklah], untuk ke Gaza hanya satu pintu sahaja untuk kita masuk ke Gaza yang dikira sebagai penjara terbesar di dunia. Ianya dikepung. Gaza adalah negeri di tepi pantai, di daratannya ia dikepung oleh tembok-tembok *Aparteid Regim* [tentera] Zionis Israel dan dilautnya mereka dikepung oleh tentera-tentera laut hanya penduduk tempatan boleh pergi menangkap ikan dalam jarak antara tiga [3] ke enam [6] batu nauntika sahaja. Lepas daripada itu semuanya tentera Israel, jadi mereka dikepung. Pintu yang boleh masuk ke Gaza adalah pintu sempadan Gaza Mesir iaitu pintu Rafah, ada pintu gerbang Rafah. Untuk ke Rafah, kami mengambil jalan darat daripada Kaherah, pintu negara Mesir selama lima ke enam jam melalui jalan darat yang mempunyai *check point* [petanda] tentera Mesir dan kami menyeberangi Terusan Sinai. Untuk ke Sinai, kami melalui Terusan Suez yang memisahkan Benua Afrika dan juga Timur Tengah. Kemudian, selepas lima ke enam jam perjalanan, kami sampai ke pintu pagar Rafah dan ketika itu pagar Rafah masih lagi dibuka oleh pihak berkuasa Mesir di bawah pimpinan Presiden Morsi yang sah. Pintu Rafah tersebut

telah ditutup sejak rampasan kuasa oleh Jeneral As-Sisi, menjatuhkan Presiden Morsi yang sah iaitu Morsi. Di Syria, kami masuk melalui pintu sempadan Turki – Syria, ada dua pintu masuk, kami masuk melalui pintu Darul Salam yang mana di pintu masuk tersebut ada pintu gerbang. Di bahagian Turki ada Imigresen dan di Syria tidak ada Imigresen, yang menjaga hanyalah *mujahidin-mujahidin* [pejuang-pejuang Allah] tempatan. Masuk ke situ dan itu atas inisiatif Turki juga kerana Turki juga menyokong perjuangan rakyat di Syria dan itu antara pintu masuknya dan nak masuk pun bukannya semudah yang disangka. Kita perlu masuk dengan cara *NGO* [Non-Government Organization] tempatan di Syria ataupun di Turki. Kita tidak boleh masuk sesuka hati. Itu suasana di Syria.

MZA : Selesai sudah pertanyaan bahagian itu, kita teruskan kepada pandangan yang saudara boleh berikan dan kongsi kepada kami? Untuk yang pertamanya, pada pendapat saudara, apakah kerjaya sebagai seorang juruvideo pada zaman ini boleh dikategorikan sebagai kerjaya yang berjaya dan jika ia boleh, bagaimana seorang juruvideo itu untuk berjaya?

SFH : Okay [baiklah], berjaya tak berjaya sesebuah kerjaya sebagai seorang videografi itu jawapan ianya soalan yang subjektif. Berjayanya seseorang itu dikira dari sudut apa, samaada dari sudut peribadi ataupun dari sudut pandangan orang ramai. Daripada

sudut pandangan peribadi saya sendiri, saya kira kejaya ini sangat memuaskan hati saya, sangat memuaskan hati itu saya boleh katakan dari sudut sumbangan saya sendiri pada masyarakat, agama islam, pada umat islam dan kepada negara saya sendiri. Itu kepuasan yang saya dapat walaupun kepuasannya dari sudut *material* [harta benda], kekayaan, bagi saya dapat menghasilkan satu video yang mampu menyentuh hati masyarakat mampu menyebabkan seseorang itu mengalirkan air mata disebabkan oleh video saya, mampu menggerakkan hati untuk menyumbang dan terbuka untuk prihatin kepada masyarakat dan umat islam di tempat lain. Iut bagi saya satu kejayaan yang sangat besar atas sebab bakat yang Allah kurniakan kepada saya ini. Jadi, menjawab persoalan kepada satu kejaya yang berjaya itu bagi saya ianya satu kejaya yang sangat berjaya bagi diri saya tapi ianya subjektif kerana lain orang lain caranya, lain orang lain kefahamannya, lain orang lain cita rasanya. Mungkin bagi orang lain, kejaya seperti saya ini berisiko, tidak menguntungkan tapi bagi saya ianya satu kepuasan bagi saya. Biarlah apa orang nak [hendak] kata tapi saya puas dengan apa yang saya buat dan akan saya teruskan.

MZA : Pada pandangan saudara, adakah akhbar yang ada di Malaysia ini telus menyebarkan maklumat yang sama situasi sebenar di Syria dibaca oleh orang ramai di Malaysia?

SFH : *Okay* [baiklah], menjawab persoalan itu kita kena faham, di dunia hanya ada beberapa agensi _ _ _ antarabangsa yang menyalurkan berita-berita dunia kepada agensi berita tempatan termasuk media tempatan di Malaysia iaitu BERNAMA. Kita membeli semua berita-berita itu sama ada membeli secara wang atau beli secara sistem *barter* [tukar], dan dari sudut etika kewartawanan, kita tidak boleh hanya *copy paste* [meniru] tidak boleh hanya mengulang cetak apa yang ditulis oleh media luar. Sepatutnya secara praktikalnya kita perlu mengulas apa yang kita dapat dari pihak luar mengulas dari sudut kefahaman kita sendiri dan kita mengulang cetak apa yang mereka tulis, kita hanya terjemah sahaja. Itu sebenarnya satu kesalahan. Kita perlu mengulas dari sudut kefahaman kita sendiri berdasarkan polisi negara kita sendiri supaya berita itu menjadi berita yang telus kerana setiap berita yang disampaikan oleh setiap negara adalah *bias* [berat sebelah] kepada kepentingan negara itu sendiri contohnya berita dari Israel melalui akhbar mereka, *Harold Israel* [nama media surat khabar di Israel], berita-berita tersebut adalah *bias* [berat sebelah] dan menyokong Israel dan juga antara lainnya, berita *PressTV* [saluran Televisen di dunia] yang merupakan salah satu agensi berita international yang menyalurkan berita-berita kepada agensi tempatan. *PressTV* [saluran Televisen di dunia] kalau kita lihat disebalik tabirnya adalah sebuah agensi berita yang ditubuhkan oleh kerajaan *Syiah* [ajaran sesat] , kerajaan Revolusi islam Iran yang mendapat dana daripada kerajaan *Syiah* [ajaran sesat] Iran

dan sudah tentu *pressTV* [saluran Televisen di dunia] melaporkan berita yang *bias* [berat sebelah] kepada berita-berita yang menyokong *Syiah* [ajaran sesat] dan juga menghentam para *Sunni* [Ajaran Islam] diseluruh dunia seperti mana yang berlaku di Syria, berita-beritanya adalah berita *bias* [berat sebelah] kepada menyokong Basyar dan menghentam para pejuang yang sedang berjuang di Syria. Itu apa yang saya lihat sendiri apa yang berlaku di dunia berdasarkan teori-teori yang saya belajar dan saya mengaplikasikan teori-teori ini dan saya melihat sendiri realiti di dunia di sebalik tabir bahawasanya media di Malaysia sangat tidak mengamalkan etika tersebut, kebanyakannya, tidak semua. Jika dibandingkan dengan media dan wartawan-wartawan kita apatah wartawan berita hiburan, mereka sanggup untuk menghantar, mengorek cerita, menerjah para artis bagi mendapatkan berita-berita sensasi kononya *first hand information* [berita sumber pertama], tetapi kenapa dalam isu-isu umat islam di seluruh dunia, mereka tidak melakukan perkara yang sama mencari dan menggali berita daripada sudut sumber pertama tetapi mereka hanya bergantung kepada media luar, kebanyakan media luar adalah *bias* [berat sebelah] dan mempunyai kepentingan sama ada kepentingan kepada barat, Israel atau kepada *Syiah* [ajaran sesat] di Iran dan Syria itu sendiri. Itu apa yang saya boleh katakan terhadap media arus perdana di Malaysia.

MZA : Seterusnya bolehkah saudara berkongsi pendapat penglibatan para pelajar dalam sukarelawan terutamanya melibatkan belia. Adakah ia menguntungkan atau merugikan?

SFH : Penglibatan pelajar ketika zaman belajarnya di universiti adalah satu peluang yang sangat besar kerana ianya dikira sebagai satu pembelajaran tidak rasmi, pembelajaran di luar kelas yang kadang-kadang pembelajaran diluar kelas ini lebih impaknya kepada sahsiah seorang pelajar itu sendiri berbanding apa yang dipelajari di dalam kelas. Bukannya belajar di dalam kelas itu tidak penting, pembelajaran secara formal juga penting tapi kita tidak boleh hanya bergantung harap pembelajaran secara formal di dalam kelas di universiti sahaja tanpa kita memanfaatkan ruang belajar ketika berada di universiti sebab di universiti ini kita berpeluang mendapatkan *networking* [rangkaian], kawan-kawan seramai mungkin sebab apa kita tidak tahu pada masa hadapan, kawan-kawan kita inilah yang menjadi orang-orang besar di dalam dan di luar negara (Saudara Faisal Hamdi terbatuk) dan mereka inilah yang membantu kita jika kita perlukan mereka pada masa akan datang dan dengan program-program dan aktiviti-aktiviti kokurikulum di luar kelas dan di waktu zaman universitilah patut dimanfaatkan sebab apa ada yang kadang kala ianya bakal menjadi kerjaya kepada pelajar itu sendiri. Berbeza dengan apa yang di belajar secara formal kadang-kadang ianya menjadi satu pembelajaran untuk kehidupan pelajar itu sendiri sama ada secara

'networking'nya [rangkaian], secara 'grouping'nya [berkumpulannya], 'teamworking'nya [kerja berpasukan], boleh bekerja secara berkumpulan dan dengan pembelajaran di luar kelas itulah betul-betul dapat membentuk sahsiah, kemahiran dan pemikiran pelajar itu dan persediaannya untuk berhadapan dengan realiti dunia sebenar sesudah habis belajar nanti.

MZA : Seterusnya, bolehkah saudara berkongsi pandangan tentang penyebaran maklumat di Malaysia yang pelbagai versi berkenaan negara luar seperti Syria dan Gaza seperti mana yang baru-baru ini berlaku pelajar yang dikatakan daripada negara Arab menunjukkan lambang empat dan dikatakan ianya satu kempen berkahwin empat?

SFH : *Okay* [baiklah], itu apa yang berlaku di Mesir, bukan setakat orang biasa tidak mengamalkan etika kewartawanan jika ianya dilakukan oleh orang biasa, orang awam, kita tidak boleh salahkan mereka sebab mereka tidak tahu mereka tidak tahu etika kadang-kadang tapi ini dilakukan oleh wartawan rasmi media arus perdana iaitu Metro, bila mana ianya terkantoi, kita dapat akses gambar tersebut, gambar asalnya adalah gambar, simbol empat tersebut simbol RABIA' iaitu perjuangan rakyat di Mesir dan cerita ini adalah cerita rekaan bila mana wartawan tersebut mengatakan bahawa simbol tersebut adalah kempen pelajar Arab Saudi untuk membenarkan suami mereka berkahwin empat kononnya untuk

elakkan isu sosial. Matlamatnya bagus supaya memberi kesedaran kepada masyarakat supaya masyarakat tahu poligami itu boleh mengurangkan masalah sosial tetapi matlamat tidak menghalalkan cara, matlamatnya untuk membuka memberi kesedaran terhadap masyarakat tersebut tapi mereka menggunakannya dengan cara menipu. Jadi, apatah lagi apabila penipuan itu terbongkar. Masyarakat merasa tertipu dan media tersebut hilang kredibiliti dan sekali orang tertipu maka media akan berhati-hati setiap terhadap sumber yang sama itu yang patutnya verifikasi *double check* [semakan kedua] sesuatu information itu sangat penting bukan sekadar media sebenarnya tetapi terhadap orang biasa. Ini kita boleh *amik* [ambil] contoh daripada ilmu islam itu sendiri bila mana ilmu hadis itu apabila kita mahu belajar ilmu hadis, kita perlu mendapat kita perlu belajar matalnya, *content of the* [isi kandungan] hadis dan juga sanadnya siapa yang menyampaikan hadis tersebut, dari siapa, dari siapa, dari siapa sehinggalah berterusan turut-turutannya hingga ke Rasulullah. Itu sangat saintifik, itu adalah ilmu saintifik, pertama mengalahkan ilmu saintifik yang ada pada zaman moden ini bila mana berlaku verifikasi-verifikasi terhadap '*authentic*'nya [autentikasi], keaslian dan ketulenannya berita yang disampaikannya bukan sekadar matal '*content*'nya [isi kandungan], bakhannya penyampainya pun dikaji, siapa penyampai-penyampainya, adakah orang yang disampaikan itu siqah, boleh dipercayai, adakah seorang yang menjaga akhlaknya ataupun beliau itu seorang penipu

ataupun lemah ingatannya ataupun suka menambah-nambah dalam sesuatu *content* [isi kandungan]. Ilmu islam itu sendiri menjadi contoh dalam bidang penyiaran yang mana perlukan verifikasi, perlukan *double check* [semakan kedua], perlu siasat berita itu datang daripada mana, datang daripada siapa, siapa yang menyampaikannya, apakah kepentingan orang yang menyampaikannya adakah ia mempunyai kepentingan terhadap berita tersebut sebagai contoh isu emas di akhir zaman, duit kertas akan susut nilai, emas bakal jadi pengganti kepada matawang, kembali ke zaman asal bilamana emas itu menjadi matawang yang kukuh harganya bila kita *check* [periksa] balik, berita itu kita dapat daripada penjual emas, sudah tentu penjual emas itu mempunyai kepentingan, kepentingan mahu emasnya terjual. Jadi, itu boleh dikira boleh diterima tetapi tidak boleh dikira sebagai satu informasi yang kredible, yang layak diambil sebagai satu yang boleh dipercayai dan boleh juga sebagai keamanan sebabnya ianya datang daripada orang yang berkepentingan.

MZA : Seterusnya, pada pendapat saudara, apakah perbezaan yang paling ketara yang dapat kita lihat pemerintahan di Syria iaitu Regim Basyar Al-Assad dan pemerintahan di Malaysia?

SFH : *Okay* [baiklah], pemerintahan di Syria dan di Malaysia jika dibandingkan dari sudut kezalimannya, dari sudut keadilannya, pemerintahan di Syria itu berpuluh-puluh kali ganda zalim jika

dibandingkan dengan Malaysia. Pemerintahan di Malaysia ini boleh diterima walaupun ada yang dikatakan tidak adil tapi masih boleh diterima sebab apa kita masih mengamalkan demokrasi yang menerima pendapat dan menerima hujah-hujah dari pembangkang. Kita masih ada pembangkang yang menjadi *check and balance* [seimbang], menjadi penimbang tara di antara polisi-polisi kerajaan, jika ada polisi kerajaan tidak betul, jika ada berlaku penyelewengan, kita masih ada lagi pembangkang untuk menegur dan menjadi penimbang tara supaya rakyat dapat manfaat. Bila mana ada kerajaan dan pembangkang yang mendapat manfaat terhadap rakyat sebab apa sebab bila contohnya nak [hendak] berlaku Pilihan Raya, pihak parti A melakukan segala usaha memberikan sumbangan kepada rakyat supaya rakyat menyokongnya. Parti B pun melakukan perkara yang sama, menawarkan sistem kerajaan yang bagus, menawarkan sistem kerajaan yang telus, memberi apa pun manfaat kepada rakyat. Jadi, bila ada saingan yang macam ini, rakyat yang mendapat manfaat tapi itu tidak berlaku di Syria, Syria tidak ada pembangkang, hanya ada *Rejim* [tentera] Basyar Al-Assad ataupun *Rejim* [tentera] keluarga Al-Assad yang diwarisi oleh ayah Basyar Al-Assad iaitu Hafiz Al-Assad dan sejak dari zaman Hafiz Al-Assad lagi pemerintahan Diktator, yang tidak ada sesiapa pun mengkritik, tiadak ada sesiapa yang boleh membangkang, hanya perlu patuh menyebabkan rakyat rasa bosan, tertekan dan jika berlaku satu penyelewengan, tidak ada sesiapa yang boleh membantah dan

mendakwa orang yang melakukan penyelewengan sebab orang yang melakukan penyelewengan itu ada kaitan dengan keluarga Basyar. Jadi, penyelewengan itu berterusan dan rakyat tidak mendapat manfaat, hanya mendapat kesan-kesan negatif yang berterusan sehingga rakyat rasa muak dan mengambil keputusan untuk bangkit menjatuhkan Rejim yang zalim tersebut. Berbanding dengan Malaysia walaupun kerajaan Barisan Nasional yang dikatakan tidak adil, ada berlaku penyelewengan seperti mana Audit Negara mendedahkan penyelewengan berlaku, berlaku ketirisan tapi kita masih lagi boleh membangkang, menyuarakan rasa tidak puas hati untuk menegur kerajaan yang memerintah sebab bila kerajaan memerintah ini ditegur, dikritik, mereka juga tidak mahu kehilangan sokongan rakyat. Jadi, untuk tidak mahu kehilangan sokongan rakyat mereka akan berubah melakukan perubahan untuk membetulkan keadaan sebab apa walaupun ikhlas tak ikhlas itu tolak belakang [ketepikan], politik memang kotor. Itu yang kebbaikannya bila ada pembangkang, ada orang yang menegur orang yang memerintah supaya ada *check and balance* [seimbang] dan timbang tara dan yang mendapat manfaat adalah rakyat. Dan satu lagi yang saya *nak* [hendak] tambah dan tidak ada alasan untuk rakyat Malaysia untuk bangkit secara kekerasan untuk menjatuhkan kerajaan yang memerintah sekarang di Malaysia seperti mana apa yang berlaku di Syria sekarang situasinya sangat berbeza sekarang. Mereka dah dizalimi dan dibunuh sejak puluhan tahun dan seperti mana Peristiwa Sembilan belas lapan puluh dua

[1982] di mana rakyat bangkit untuk mendapatkan hak mereka sebagai rakyat, mendapat makanan, pembelajaran, ubat-ubatan apa yang *respond* [tindak balas] oleh Basyar Al-Assad hampir puluh ribu orang dibunuh. Lepas pada *tu* [itu], rakyat takut untuk bersuara. Itu tidak berlaku di Malaysia. Rakyat masih lagi boleh bersuara menyuarakan rasa tidak puas hati dan secara logiknya kerajaan pun dia *tak nak* [tidak mahu] kehilangan sokongan rakyat, *dia* [mereka] pun akan melakukan perubahan. Dan di Malaysia kalau mahu perubahan dari segi pemerintahan *BN* [Barisan Nasional] kepada Pakatan Rakyat pun ianya masih mampu dilakukan secara demokrasi secara Pilihan Raya. Tidak ada alasan untuk bangkit mengangkat senjata sebab peperangan itu satu yang _____ sesiapa yang pernah turun ke medan perang akan membenci peperangan.

MZA : Jika saudara diberi kesempatan, apakah harapan saudara kepada pemerintahan Malaysia sekarang?

SFH : Harapan saya kepada pemerintahan Malaysia sekarang agar lebih telus, tersusun pengurusan kewangannya supaya rakyat tidak terbeban hutang-hutang negara kerana kadang-kadang ketirisan itu dilakukan oleh segelintir orang-orang besar dan yang tiris itu adalah duit rakyat dan yang terpaksa tanggung akibatnya adalah rakyat bila mana subsidi ditarik, subsidi gula ditarik, subsidi minyak ditarik. Rakyat berasa tertekan dan terbeban. Kita takut

bila mana terbebannya rakyat itu semakin bertambah hari ke hari, minggu ke minggu, bulan ke bulan, tahun ke tahun, kita takut kemarahan itu sudah tidak dapat dibendung lagi bila mana gaji yang tidak setimpal dengan kos bulanan yang terpaksa ditanggung yang menyebabkan berlakunya masalah sosial, merompak, membunuh sebab apa sebab *nak* [hendak] hidup, *nak* [hendak] bayar hutang, terpaksa berhutang dengan Along [Syarikat pinjaman wang tanpa lesen]. Selain itu, kita takut sampai ke satu tahap kestabilan itu sudah tidak ada dan kemungkinan berlaku seperti Syria. Kita tidak mahu perkara itu berlaku *nauzubillah* [kami berlindung kepada Allah]. Jadi, kerajaan yang diberi mandat oleh kerajaan itu sepatutnya telus menguruskan dana negara dan dana rakyat, mengagihkan projek-projek secara *open tender* [tender terbuka] dan tidak secara kroni dan nepotisme dan menerima teguran-teguran daripada pembangkang, menerima teguran daripada jabatan-jabatan seperti Audit Negara itu sendiri, Audit Negara itu dibawah Jabatan Perdana Menteri sendiri, itu bukan dari pembangkang yang menegur dan ___ bila berlaku pendedahan itu maka kerajaan yang ___ patut bertanggungjawab membetulkan semula apa yang tidak betul supaya rakyat dapat hidup dengan aman dan dengan sejahtera dan ekonomi berkembang dengan baik dan dapat menarik pelabur-pelabur daripada luar negara yang menyebabkan negara menjadi aman dan makmur. Bukan setakat itu yang semua orang harapkan, kita *nak* [hendak] keamanan ini berterusan dan kerana negara yang aman seperti kita inilah yang

mampu untuk menyumbang membantu rakyat-rakyat di negara-negara yang bergolak sebab jika semua negara bergolak tidak ada sesiapa yang *nak* [hendak] bantu sesiapa, masing-masing *nak* [hendak] jaga perut sendiri sahaja.

MZA : Selain daripada itu, apakah nasihat saudara untuk pemuda sekarang yang aktif menyebarkan maklumat-maklumat yang belum pasti di laman sosial?

SFH : *Okay* [baiklah], nasihat saya selidik dahulu maklumat daripada mana ia datang dan saringlah maklumat yang didapati dan lakukan timbang tara, *double check* [semakan kedua] jika ada sumber lain, dapatkan sumbangan dari sumber lain contoh yang paling mudah jika sesuatu isu timbul di Malaysia kita ada media arus perdana yang daripada kerajaan yang memerintah dan kita ada media alternatif daripada pembangkang. Jika sesuatu isu timbul, bacalah daripada dua-dua pihak kerana setiap pihak ada kepentingannya tersendiri. Media arus perdana yang pro-kerajaan yang memerintah *bias* [berat sebelah] kepada pemerintahan dan media daripada pembangkang *bias* [berat sebelah] kepada pembangkang. Untuk dapatkan jalan tengah, baca kedua-dua sumber supaya kita dapat analisis. Kita bukan sekadar membaca dan menyebarkan, kita baca kita analisis berita itu betul atau tidak, bagus atau tidak untuk disebar, ada manfaat atau tidak kemudian samaada manfaat itu kepada diri sendiri dan untuk masyarakat awam untuk menyebarkannya

dengan bertanggungjawab. Sebarkan, dapatkan *info* [maklumat] dengan cara bertanggungjawab dan sebakannya juga dengan bertanggungjawab.

MZA : Seterusnya, pada pandangan saudara apakah peranan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang maju majoritinya adalah umat islam dalam mengharungi cabaran masa kini?

SFH : *Okay* [baiklah], kita negara yang majoritinya umat islam tapi dalam masa yang sama mempunyai minoriti-minoriti bangsa lain, Cina, India, Kadazan dan lain-lain yang juga beragama lain. Cabarannya sentiasa ada, tidak pernah surut cumanya kita perlu bijak menangani setiap isu. Jangan bermain dengan sentimen, jangan bermain dengan api perkauman dan jangan bermain dengan api keagamaan. Jika berlaku sesuatu isu, selesaikanlah dengan cara *win win situation* [situasi tiada yang kalah], yang memenangi semua pihak tanpa kita menggadaikan prinsip kita, cuba tangani dengan baik dan sebaik mungkin dan cuba elakkan krisis yang melibatkan nyawa dan darah sebab apa yang berlaku di Syria ini kerana Rejim [tentera] Basyar bermain dengan sentimen *Syiah* [ajaran sesat] . Awalnya, kebangkitan rakyat adalah asli dan tulen, hanya rakyat mahu menjatuhkan kerajaan Rejim [tentera] Basyar yang zalim, tidak ada isu *Sunni* [Ajaran Islam] dan *Syiah* [ajaran sesat] . Enam [6] bulan kemudian, Basyar merasakan bahawa beliau tidak lagi dapat memerintah Syria selama-lamanya, rakyat sudah tidak lagi

suka kepada beliau, jadi, bagi beliau jika aku tidak dapat perintah Syria selepas ini maka tidak akan ada siapa dapat memerintah Syria selepas aku, jadi, aku hancurkan Syria. Jadi, bermula daripada itu, beliau mula bermain dengan sentimen *Syiah* [ajaran sesat], *Sunni* [Ajaran Islam] dan menyebabkan para ekstremis *Syiah* [ajaran sesat] daripada Hizbullah, Lubnan atau dari dalam Syria sendiri bangkit membantai dan membunuh, merogol dan menyembelih rakyat Syria yang majoritinya *Sunni* [Ajaran Islam]. Bila saya sendiri mendengar fakta sebenar apa yang berlaku di Syria tersebut, saya terus terfikirkan Malaysia sebab di Malaysia, perkara tersebut sering berlaku bila menghampiri Pilihan Raya Umum. Ada pihak yang bermain dengan sentimen Melayu, sentimen Cina yang menyebabkan hampir-hampir berlaku pergaduhan. Itu yang tidak mahu berlaku sebab jika sekali ianya tercetus dan melibatkan senjata, senjata yang boleh membunuh, kita tidak lagi mampu berundur ke belakang. Dendam akan marak menyala dan ini kita tidak mahu berlaku. Elakkan menggunakan sentimen, selesaikan dengan cara paling demokrasi, peperangan itu bukan dalam pilihan jika ada yang mengatakan peperangan itu pilihan terakhir, bagi Malaysia biarlah peperangan itu bukan pilihan. Pilihan terakhir pun bukan maksudnya tiada dalam penyelesaian sesuatu isu. Peperangan ini tidak ada dalam pilihan ini.

MZA : Jika tadi saudara berkongsi pendapat sama ada penglibatan belia dalam sukarelawan adalah menguntungkan atau merugikan, bolehkan saudara berkongsi kepada kami, wajarkah penglibatan pelajar dalam sukarelawan di Syria?

SFH : Wajar tapi dengan cara dan saluran yang betul, dengan tanggungjawab yang betul. Melalui saluran yang betul adalah melalui *NGO* [Non-Government Organization] yang diiktiraf dengan_ _ _ _ . Tidak perlu sampai ke Syria sebab ianya melibatkan nyawa. Jika sanggup, berani dan dibenarkan keluarga, jika diri sendiri sanggup, tak kisah kalau kerajaan pun benarkan tak kisah tapi untuk membantu rakyat Syria bukan setakat turun ke Syria, paling tidak kita turun bersama-sama dalam ceramah jalanan dalam program-program kesedaran, itu pun sudah lebih dari cukup sebab apa, sebab itu memberi sokongan moral kepada rakyat Syria kerana mereka tahu ada saudara seislam mereka daripada ribuan batu jauhnya yang menyokong perjuangan mereka. Gunakan saluran yang betul, orang yang betul dan jangan bertindak sendiri.

MZA : Seterusnya jika diberi kesempatan, apakah yang saudara ingin lihat yang ada pada sistem dan suasana politik di Syria dan di Gaza pada masa akan datang?

SFH : Suasana politik di Syria saya mahukan pertamanya, sekarang apabila berlaku krisis tidak ada cara lain lagi melainkan Basyar

perlu turun dahulu samaada dibunuh atau tidak, terpulang kepada rakyat Syria tetapi jikalau [jika] Basyar masih mampu untuk berfikir secara waras, dia perlu turun sebab dengan cara dia turunlah mampu menghentikan krisis kemanusiaan di Syria dan sesudah dia turun, rakyat Syria ingin bersatu dan mengadakan Pilihan Raya dengan adil dengan pemantauan negara-negara luar supaya tidak berlaku penipuan dan mereka mampu untuk membina balik kehidupan kerajaan, kehidupan masyarakat, institusi- institusi hospital, universiti, sekolah-sekolah mampu dihidupkan secara normal dan mampu hidup dalam keadaan bebas, bebas bersuara bebas menyuarakan pendapat, bebas untuk memilih pemerintah dan itu yang patut dilakukan di Syria dan di Gaza, situasinya berbeza sebab diri mereka berhadapan dengan penjajah. Krisis di Palestin hanya boleh diselesaikan dengan cara Israel keluar daripada tanah penduduk Palestin itu sendiri dan penduduk Palestin boleh bina balik [semula] kehidupan seperti biasa seperti di enam puluh [60] tahun yang lepas.

MZA : Yang terakhir sekali, bolehkah saudara berkongsi pengalaman kepada kami sedikit tip dalam bekerjaya pada masa sekarang?

SFH : *Okay* [baiklah] tip dalam bekerjaya terutamanya jika kita makan gaji dengan orang, pastikan kita amanah, telus, kita jangan gunakan barang-barang syarikat kita buat sebagai barang peribadi kita jangan gunakan barang-barang syarikat untuk kita buat *business*

[perniagaan] secara tersembunyi maksudnya kita guna barang syarikat dan kita bekerja yang bayar gaji kita tapi kita gunakan untuk *business* [perniagaan] kita yang tidak ada kaitan dengan syarikat. Itu sangat salah, sangat tidak beretika dan jangan gunakan barang syarikat sebagai barang peribadi dan selesaikan tugas syarikat sebab syarikat membayar gaji kita untuk kita teruskan kehidupan seharian kerana jika tak manfaatkan waktu bekerja kita itu kita gunakan untuk yang sepatutnya yang tidak manfaat untuk syarikat maka gaji kita itu sebenarnya tidak halal. Gaji kita itu sebenarnya hasil titik peluh kita yang tidak amanah yang jelas. Itu bagi mereka yang makan gaji sekurang-kurangnya jika mahu menggunakan harta syarikat urusan peribadi sekurang-kurangnya minta izin daripada majikan dan jika bekerjaya sebagai peniaga macam saya sebagai peniaga, berniaga lah dengan amanah, jujur dan jadikan kerjaya itu sebagai satu yang anda cinta sebab apa jika kita tidak cintakan kerjaya itu maka lama kelamaan kita akan bosan dan kualiti kerja kita akan menurun jadi cintai apa yang kita minat, jadikan benda yang kita buat itu kita cinta dan kita *patient* [sabar] dan bersemangat terhadapnya, barulah kerjaya yang kita dapat itu dapat *maintain* [kekalkan] kualitinya dan berterusan dan kita tidak bosan dengan kerja kita dan mampu untuk *survive* [hidup] dalam jangka masa yang lama.

MZA : Sekian sahaja sesi menemuramah Saudara Faisal Hamdi yang bertempat di Gombak, Kuala Lumpur pada jam dua lima belas minit petang. Sekian, Assalamualaikum W.B.T.

SFH : Waalaikumussalam.

7.0 Senarai Soalan

Latar Belakang

1. Apakah nama penuh Saudara mengikut kad pengenalan Saudara?
2. Apakah nama panggilan yang biasa digunakan oleh ahli keluarga dan rakan-rakan untuk Saudara?
3. Bila dan di mana Saudara dilahirkan?
4. Dimanakah Saudara menetap sekarang?
5. Apakah nama penuh ibu dan bapa Saudara?
6. Adakah mereka masih hidup?
7. Mereka berasal dari mana?
8. Berapakah bilangan adik beradik Saudara?
9. Bolehkan Saudara beritahu nama mereka mengikut turutan umur?
10. Apakah perkerjaan adik beradik Saudara sekarang?
11. Bilakah Saudara mendirikan rumah tangga?
12. Apakah nama penuh isteri Saudara?
13. Apakah pekerjaan isteri Saudara sekarang?
14. Dimanakah dan bilakah Saudara mengenali isteri Saudara?
15. Berapakah bilangan anak-anak Saudara?
16. Apakah nama dan berapakah umur anak-anak Saudara?
17. Apakah pekerjaan anak-anak Saudara?
18. Adakah mereka semua telah mendirikan berumah tangga?
19. Apakah hobi Saudara pada masa lapang?
20. Apakah cita-cita Saudara pada asalnya?

21. Mengapa Saudara memilih untuk menjadi seorang jurukamera?
22. Adakah ibu bapa Saudara menggalakkan dan menyokong pilihan Saudara menjadi seorang jurukamera?
23. Siapakah idola/ role model yang menjadi contoh dalam hidup penulis?
24. Apakah prinsip yang sentiasa dipegang dalam hidup Saudara?
25. Bolehkan Saudara menceritakan serba sedikit tentang kehidupan zaman dahulu?
26. Apakah kenangan manis yang pernah dialami dalam hidup Saudara?
27. Apakah kenangan pahit yang pernah dialami dalam hidup Saudara?

Sejarah Pendidikan

28. Bila dan dimanakah Saudara mula-mula bersekolah?
29. Adakah Saudara memasuki sekolah rendah dan menengah ditempat yang sama?
30. Bila dan dimanakah Saudara menempuhi alam persekolahan?
31. Bagaimanakah keadaan atau suasana serta kemudahan dan para guru ketika itu?
32. Apakah subjek yang disukai oleh dan tidak disukai oleh Saudara pada zaman persekolahan? Mengapa?
33. Adakah Saudara aktif dalam persatuan dan ko-kurikulum ketika itu juga?
34. Apakah jenis peperiksaan yang diambil oleh Saudara pada ketika itu?
35. Bagaimanakah pencapaian Saudara dari segi akademik dan ko-kurikulum dalam zaman persekolahan?
36. Apakah pengalaman manis dan pahit yang dialami semasa zaman persekolahan dahulu?

37. Siapakah teman baik Saudara pada zaman sekolah?
38. Setelah tamat zaman persekolahan, adakah Saudara teruskan belajar di tahap yang lebih tinggi atau bekerja terlebih dahulu?
39. Bilakah Saudara mula melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi?
40. Apakah bidang atau kursus yang diambil pada ketika itu?
41. Adakah ibu bapa Saudara turut membantu dan menyokong Saudara dalam pengambilan bidang tersebut?
42. Selepas itu, adakah Saudara meneruskan pengajian ke tahap yang lebih tinggi? Bila dan dimanakah?
43. Semasa di Universiti, bagaimanakah pencapaian akademik Saudara pada ketika itu?
44. Bolehkah Saudara menceritakan atau berkongsi sedikit sebanyak tips pembelajaran Saudara pada masa itu?
45. Siapakah teman perjuangan Saudara pada zaman universiti dahulu? Adakah masih berhubung sehingga sekarang?
46. Bagaimana pula penglibatan aktiviti berpersatuan dan sukan di alam universiti? Adakah Saudara seorang yang aktif?
47. Pada pendapat Professor, apakah perbezaan antara sistem pendidikan dahulu dan sekarang?

Pengalaman Tokoh

48. Bilakah Saudara mula melibatkan diri dalam bidang fotografi?
49. Dari manakah Saudara belajar ilmu berkaitan fotografi?
50. Sejak bilakah Saudara mengikut Aktivis Kemanusiaan ini ke Syria?
51. Apakah peralatan yang paling penting sebagai jurukamera dalam situasi Saudara di Syria?

52. Bagaimanakah Saudara menghubungi pihak syarikat untuk menyampaikan semua maklumat terkini?
53. Siapakah yang mengetuai Misi kemanusiaan tersebut?
54. Siapakah yang menyertai Saudara dalam menyempurnakan misi di Syria?
55. Berapa lamakah Saudara berada di Syria untuk menyelesaikan satu misi?
56. Bolehkah berkongsi bersama kami perasan Saudara apabila dapat ke bumi Syria selaku Aktivist Negara?
57. Adakah keluarga (ibubapa ,anak,isteri) Saudara turut memberikan sokongan kepada perjuangan Saudara ke sana?
58. Dari siapakah sokongan yang paling kuat Saudara disana untuk meneruskan misi Saudara?
59. Mengapa Saudara memilih untuk melaksanakan misi di Syria?
60. Sebelum berangkat ke Syria, adakah Saudara mempersiapkan diri dengan pelbagai persediaan dari segi fizikal?
61. Adakah Saudara turut mempersiapkan diri dari segi mental?
62. Dimanakah Saudara mendapatkan latihan-latihan tersebut?
63. Siapakah individu atau pihak yang terlibat melatih Saudara?
64. Pernahkah Saudara mendapat sebarang dana untuk misi ke sana?
65. Bagaimana Saudara bersama rakan2 misi pernah diuji dengan serangan oleh tentera Basyar?
66. Bilakah waktu pertama kali Saudara dan rakan-rakan bergerak ke tempat-tempat berkenaan untuk membuat rakaman?

67. Sepanjang Misi Kemanusiaan tersebut, pernahkah kemalangan jiwa yang berlaku kepada rakan-rakan Saudara? Bolehkah Saudara menceritakan pengalaman tersebut?
68. Setakat ini, berapakah misi yang telah disempurnakan oleh Saudara?
69. Adakah perancangan yang sedang dirancang untuk misi seterusnya?

Pencapaian Tokoh (Pengiktirafan)

70. Bolehkah sedikit sebanyak Saudara menceritakan tentang pencapaian peribadi Saudara?
71. Bagaimana pula pencapaian tertinggi pendidikan Saudara?
72. Bagaimana pula pencapaian kerjaya Saudara?
73. Sepandang Saudara berkarya, pernahkah Saudara menerima apa – apa pengiktirafan?
74. Dalam pencapaian kerjaya Saudara, bolehkah Saudara menceritakan sedikit berkenaan pengalaman Saudara dalam kerjaya?

Pandangan Tokoh

75. Pada pendapat Saudara, apakah kerjaya sebagai seorang jurukamera pada zaman ini boleh dikategorikan sebagai kerjaya yang berjaya?
76. Pada pendapat Saudara, bagaimanakah cara untuk menjadi seorang jurukamera yang berjaya?
77. Pada pendapat Saudara, adakah akhbar yang ada di Malaysia ini telus menyebarkan maklumat yang sama dengan situasi sebenar di Syria untuk dibaca oleh orang ramai?
78. Apakah pandangan Saudara mengenai penglibatan para pelajar dalam sukarelawan terutamanya melibatkan belia? Adakah ianya menguntungkan atau merugikan?
79. Bolehkah saudaraberkongsi pandangan Saudara tentang penyebaran maklumat di Malaysia yang pelbagai versi berkenaan Syria?

80. Bolehkah kami dapatkan tip dari Saudara dalam kami berkerjaya?
81. Pada pendapat Saudara, apakah perbezaan paling ketara yang dapat dilihat pemerintahan di Syria dan di Malaysia?
82. Apakah harapan Saudara kepada pemerintahan Malaysia sekarang?
83. Apakah nasihat Saudara untuk pemuda sekarang yang aktif menyebarkan maklumat di laman sosial?
84. Pada pandangan Saudara, apakah peranan Malaysia sebagai sebuah negara Islam dalam mengharungi cabaran masa kini?
85. Pada pendapat Saudara, wajarkah penglibatan pelajar dalam sukarelawan di Syria?
86. Pada pendapat Saudara, apakah yang tidak patut dicontohi oleh kerajaan Malaysia yang ada pada kerajaan di Syria
87. Jika diberi kesempatan, apakah yang Saudara ingin lihat pada sistem dan suasana politik Syria pada masa akan datang?

8.0 Log Temubual

RAKAMAN PERTAMA

Latar Belakang

Masa	Perkara Yang Dibincangkan	Nama/ Tempat Rujukan
01:31	Latar Belakang tokoh	<ol style="list-style-type: none">1. Ahmad Faisal Hamdi bin Yop.2. Hospital Besar, Alor Setar3. Kampung Changkat, Gombak4. Zauwiyah binti Hj. Daud5. Yop bin Ahmad
03:33	Saudara mara	<ol style="list-style-type: none">1. Azura binti Yop2. Azirah binti Yop3. Asmaniza binti Yop4. Asmaul husna binti Yop5. Businesswoman6. Klinik Perubatan Berseri, Perlis7. Guru
05:55	Kehidupan berumahtangga	<ol style="list-style-type: none">1. Faliyana binti Muda.2. Adam Hamdi3. Aidil Hamdi4. Businesswoman
7:37	Hobi dan cita-cita	<ol style="list-style-type: none">1. Fotografi2. Videografi3. Arkitek
9:01	Dorongan dalam kerjaya	<ol style="list-style-type: none">1. Ibumama2. Makan Gaji3. Bekerja kerajaan4. Misi Kemanusiaan
10:19	Idola	<ol style="list-style-type: none">1. Herry Fear2. Wartawan bebas3. Berani

11:44	Prinsip	<ol style="list-style-type: none"> 1. Selidk 2. Bertanggungjawab
-------	---------	------------------------------------------------------------------------------------------

Sejarah Pendidikan

Masa	Perkara Yang Dibincangkan	Nama/ Tempat Rujukan
16:22	Latar Belakang pendidikan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sekolah Kebangsaan Taman Uda, Alor Setar. 2. Maktab Mahmud 3. UPSR 4. PMR 5. SPM 6. STAM 7. Universiti Islam Antarabangsa (UIA)
18:39	Penglibatan kurikulum dan kokurikulum	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Masa Pengkhususan Penyiaran 2. Bahasa Inggeris 3. Persatuan Sains 4. Pengakap 5. Persatuan Debat Bahasa Melayu
20:10	Pengalaman di zaman persekolahan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terima anugerah 2. 9A dalam PMR
21:35	Rakan-rakan pada zaman belajar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Zulfahmi bin Harun 2. Nazmi 3. Syauki 4. Aizat 5. Hasnul Hanif

Pengalaman Tokoh

Masa	Perkara Yang Dibincangkan	Nama/ Tempat Rujukan
32:01	Permulaan kerjaya	1. Kamera video JVC 2. DVTape 3. Faisal Video Studio
40:56	Pengalaman selaku videografi	1. Aktivist Kemanusiaan Syria 2. Servis videografi korporat
45:34	Penglibatan selaku Aktivist Kemanusiaan	1. Shahril Asfar 2. Lifeline for Syria 3. Syria dan Gaza
58:22	Dorongan selaku Aktivist Kemanusiaan	1. Ibumama 2. Isteri
01:07: 35	Pengalaman di bumi Syria	1. Garisan hadapan Upper Zon 2. Bandar Aleppo 3. Bandar Idlip 4. Rejim Basyar 5. Rejim As-Sisi

RAKAMAN KEDUA

Pencapaian Tokoh

Masa	Perkara Yang Dibincangkan	Nama/ Tempat Rujukan
01:03	Pencapaian sebagai videografi	<ol style="list-style-type: none">1. Konsert Maher Zain2. Johani Muslimah3. Markas Solisi Tentera Darat4. Muhasabah Cinta5. McDonald Malaysia Parody
09:16	Pengiktirafan sebagai videografi	<ol style="list-style-type: none">1. Kerajaan Malaysia
13:21	Misi Ke Syria dan Palestin	<ol style="list-style-type: none">1. Aqsa to Gaza2. Afdlin Shauki3. Aqsa Syarif
20:22	Pengalaman di Syria dan Palestin	<ol style="list-style-type: none">1. Rejim Zionis Israel2. Pintu gerbang Rafah3. Kaherah, Mesir4. Terusan Sinai5. Terusan Suez6. Presiden Morsi

Pandangan Tokoh

Masa	Perkara Yang Dibincangkan	Nama/ Tempat Rujukan
23:59	Pandangan mengenai kerjaya sebagai videografi	1. Agama islam 2. Masyarakat
26:10	Pandangan mengenai media cetak di Malaysia	1. BERNAMA 2. Etika Kewartawanan 3. Harold Israel 4. Press TV 5. Revolusi islam Iran
30:20	Pandangan mengenai penglibatan pelajar dan belia dalam sukarelawan	1. Kokurikulum 2. Pembelajaran tidak rasmi
33:25	Penyebaran maklumat di Malaysia berkenaan negara luar	1. Etika Kewartawanan 2. Wartawan Arus Perdana
38:20	Pandangan mengenai corak pemerintahan di Syria dan Malaysia	1. Demokrasi 2. Pembangkang 3. Polisi-polisi kerajaan 4. Pilihan Raya 5. Rejim Basyar Al-Assad 6. Diktator 7. Peristiwa 1982 di Hama 8. BN 9. Pakatan Rakyat
43:57	Harapan terhadap pemerintahan negara Malaysia	1. Pengurusan kewangan 2. Subsidi 3. Masalah sosial 4. Jabatan Audit Negara
47:04	Aktiviti Penyebaran maklumat melalui laman sosial	1. Media Alternatif 2. Media arus perdana
48:55	Peranan Malaysia yang majoriti islam dalam mengharungi cabaran masa	1. Api keagamaan 2. Api perkauman 3. Sentimen Syiah

	kini	4. Isu Sunni 5. Hizbullah
54:01	Harapan terhadap negara Syria dan Palestin pada masa hadapan	1. Rakyat Syria 2. Basyar 3. Pilihan Raya 4. Israel 5. Palestin
56:00	Perkongsian tip dalam bekerjaya	1. Amanah 2. Telus 3. Jujur

9.0 Indeks

A

A2G, 66
accident, 47
Afdlin Shauki, 3, 66
Afrika, 69
Aidil Adha, 51, 54, 56
Al-Assad, 3, 78, 79
Aleppo, 47, 51
Alhamdulillah, 14, 18, 21, 32, 41, 44, 47, 57
Allah, 22, 38, 45, 47, 51, 52, 53, 57, 58, 61, 69, 71, 82
Along, 82
Alor Setar, 4, 5, 8, 17
Al-Quran, 38, 54
alternatif, 83
Ammi, 68
anbia', 38
Apartheid, 69
Aqsa Syarif, 32, 66
Arab, 68, 76
Audit, 80, 83
authentic, 77

B

barter, 72
Basyar, 3, 45, 47, 54, 73, 78, 79, 85, 87, 94
benchmark, 61
BERNAMA, 72
bertanggungjawab, 15, 43, 46, 83
bias, 73, 83
BN, 80
bom, 47, 51
business, 11, 12, 28, 64, 89
businesswoman, 11, 12

C

cameraman, 15, 47
CANON, 35
Changkat, 4, 9
Cina, 11, 85
copy paste, 73

D

darah, 38, 85
demokrasi, 79, 86
Dendam, 86
Diktator, 80
dokter, 11, 22, 28, 45, 53
double check, 77, 83

driver, 47
DSLR, 35
DU'A, 31
duta, 66
DV Tape, 26

E

ECPI, 32
energy bar, 42

F

Faisal, 3, 4, 5, 7, 8, 10, 12, 25, 26, 28, 58, 59, 66, 75, 90
Fast Fight, 61
Firsthand, 13
fotografi, 3, 6, 13, 15, 26, 27, 93

G

gaji, 14, 44, 53, 82, 89
garam, 42
gathering, 61
Gaza, 14, 16, 30, 37, 38, 39, 44, 47, 56, 66, 68, 69, 76, 87
gelap, 47
gencatan, 37
Gombak, 3, 4, 5, 6, 7, 9, 21, 90
grouping, 75

H

hadis, 77
Hamas, 37
hancur, 54
haram, 61
heater, 57
Herry Fear, 14
hit, 61
Hizbullah, 86
hutang, 82

I

Idlip, 47
IIUM.FM, 32
ikon, 67
important, 61
information, 13, 73, 77
Inggeris, 18, 68
In-Team, 31
Isracl, 37, 61, 69, 73, 87

J

jahil, 54
jurukamera, 13, 14, 15, 16, 23, 34, 47, 57, 92, 94, 95
JVC, 26

K

kamera, 16, 26, 28, 35, 60
kapitalis, 61, 64
Kedah, 4, 5, 10
kemanusiaan, 5, 6, 14, 16, 30, 34, 37, 87
kemasyuran, 67
kerajaan, 6, 14, 63, 73, 79, 82, 83, 85, 87, 96
korporat, 31, 32, 61, 66
kredibile, 67, 77
kreditasi, 16, 32
kren, 60
Krisis, 87
kroni, 82

L

laju, 47
laptop, 35
letupan, 38, 47, 51, 54
lifebit, 60

M

machine gun, 52
Maher Zain, 60
mainstream, 41, 64
maintain, 90
Malaysia, 19, 20, 25, 30, 31, 32, 34, 36, 37, 41, 43, 46, 56, 57, 58, 60, 63, 64, 67, 69, 72, 76, 78, 79, 81, 82, 83, 84, 86, 95, 96
Malaysia Life Line for Syria, 37
marhaen, 64
mati, 41, 47, 54, 56
McDonald, 61, 64
MCP, 31
membantah, 40, 80
membunuh, 38, 45, 82, 86
menjunjung, 54
Menteri, 83
menyembelih, 86
Mesir, 56, 69, 76
Metro, 76
minoriti, 85
misi, 14, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 42, 43, 46, 52, 54, 56, 57, 58, 66, 68, 94, 95
moral, 87
Morsi, 69

motivasi, 53
Muhasabah, 61
mujahidin, 36, 45, 47, 51, 52, 53, 57, 69
Mujahidin, 44, 61

N

nashid, 31
nauzubillah, 40, 82
nepotisme, 83
networking, 75
NGO, 6, 34, 37, 44, 45, 61, 68, 69, 87
Nowseeheart, 31

O

online, 11, 12, 14, 32, 36
ORS, 42

P

Pakatan Rakyat, 80
Palestin, 3, 5, 6, 37, 61, 66, 87
Parody, 61
patient, 89
pelanggan, 32
pembangkang, 79, 83
Pemerintahan, 79
pencurian, 16
pensyarah, 23, 28
penyelewangan, 80
Penyiaran, 21
peralatan, 34, 35, 36, 42, 94
perang, 6, 14, 41, 54, 80
perkauman, 85
perubatan, 11, 43, 45, 53
Ph.D, 22
Pilihan Raya, 79, 86, 87
PMR, 19, 20, 21
poligami, 77
politik, 80, 87, 96
Presiden Morsi, 69
PressTV, 73
privacy, 67
PSA, 61
Psikologi, 21
PTPTN, 26

R

Rabbani, 31
RABIA', 76
Rafah, 69
ramadhan, 46, 56
Rasullullah, 38

rejim, 34, 45, 46, 52, 54, 56
roket, 47

S

SAMYANG, 35
sasaran, 47
Saujana, 31
sekolah, 17, 18, 19, 20, 21, 87, 92, 93
senjata, 37, 52, 61, 66, 80, 86
sentimen, 85
signboard, 47
sniper, 46, 52, 53
SPM, 19, 20, 21
stimulation, 67
subsidi, 82
subur, 38
Suez, 69
Sunni, 73, 85
survive, 90
syahid, 38, 47
Syiah, 73, 85
Syria, 3, 5, 6, 16, 30, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 41, 42,
43, 44, 45, 46, 52, 54, 56, 57, 66, 68, 69, 72, 73,
76, 78, 79, 82, 85, 86, 87, 93, 94, 95, 96
Syuhada', 38
syuhadah, 47

T

Tawakkal, 51
teamworking, 75

tembakan, 38, 47, 51, 53
tip, 23, 88, 89, 96
tiris, 82
Turki, 69

U

UIA, 5, 6, 12, 20, 21, 23, 25, 26, 27, 60
UiTM, 7
UNIC, 31
upload, 67
UPSR, 5, 19

V

video, 13, 26, 28, 31, 32, 35, 61, 64, 66, 71
video klip, 31, 61
videografi, 3, 5, 6, 23, 26, 27, 30, 31, 32, 59, 60, 71
view, 61
viral, 61, 66

W

waras, 87
wataniah, 12, 25
wireless, 36

Z

zalim, 79, 85
Zionis, 37, 69

10.0 Rujukan

Faisal Hamdi | Facebook. (n.d.). Faisal Hamdi | Facebook. Retrieved October 18, 2013, from <https://www.facebook.com/faisal.hamdi?ref=ts&fref=ts>

IKLANEKA. (2013, August 5). Terengganu Today RSS. Retrieved October 12, 2013, from <http://terengganutoday.com/berita-utama/pemuda-malaysia-faisal-hamdi-mengangkat-senjata-menentang-rejim-syiah-di-syria>

Muhammad Faisal Hamdi Bin Yop (2013), Elhazen Group Sdn. Bhd


11.0 Lampiran



Gambar 1: Saudara Faisal Hamdi ketika di temuramah



Gambar 2: Saudara Faisal Hamdi Menggayakan sesuatu ketika menjawab soalan yang dituju



Gambar 3: Kelihatan tenang ketika Saudara Faisal Hamdi di soal



Gambar 4 : Bergambar selepas sesi temuramah



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KELANTAN

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA Kelantan dengan... *Ahmed Faisal Hamdi bin Yop.*

Pada ... *31/10/2013*

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA Kelantan untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat:

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

(*Ahmed Faisal Hamdi bin Yop*)

Universiti Teknologi MARA Kelantan
24 Jalan Alor Gajah, Kampus Alor Gajah,
76100 Alor Gajah, Kelantan
Tel: 09-92310000

Dr. Ghazali Bin Osman
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA
Kelantan